

## **PENYATA DEWAN**

### **PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN) PENGGAL PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KE-13 PADA 13 DISEMBER 2013**

#### **HADIR:**

| <b>BIL.</b> | <b>NAMA</b>  | <b>ADUN</b>  |
|-------------|--|--------------|
| 1.          | YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI,<br>NEGERI SEMBILAN:<br>Y.B. Dato' Dr. Haji Awaludin bin Said, D.S.N.S., A.N.S.,<br>P.M.C.         | Kota         |
| 2.          | MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN:<br>Y.A.B. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan,<br>S.P.N.S., D.S.N.S., P.S.D., D.S.S.A., A.N.S. | Rantau       |
| 3.          | Y.B. Dato' Haji Hasim bin Rusdi, D.P.N.S., D.M.S.M., P.P.T.,<br>J.P., A.N.S., A.M.N., P.M.C., P.J.K.                                   | Labu         |
| 4.          | Y.B. Tuan Manickam a/l Letchuman, P.M.C., P.J.K.   | Jeram Padang |
| 5.          | Y.B. Dato' Haji Ismail bin Lasim, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.   | Senaling     |
| 6.          | Y.B. Dato' Norhayati binti Omar, D.S.N.S., P.M.C., P.J.K.  | Pilah        |
| 7.          | Y.B. Dato' Shamshulkahar bin Mohd. Deli, D.P.N.S., P.M.C.,<br>P.J.K.   | Serting      |
| 8.          | Y.B. Dato' Zaifulbahri bin Idris, D.P.N.S., D.N.S., P.J.K.   | Chembong     |
| 9.          | Y.B. Datuk Haji Jalaluddin bin Haji Alias, P.G.D.K., D.N.S.,<br>J.P.   | Pertang      |
| 10.         | Y.B. Tuan Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar, J.P., P.M.C.,<br>P.J.K.   | Bagan Pinang |
| 11.         | Y.B. Tuan Abd. Razak bin Ab. Said, P.M.C., P.J.K.  | Gemas        |
| 12.         | YB. Tuan Haji Abu Ubaidah bin Dato' Haji Redza, J.P.   | Ampangan     |
| 13.         | Y.B. Dato' Haji Lilah bin Haji Yasin, D.S.N.S.   | Palong       |
| 14.         | Y.B. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, D.S.N.S.  | Juasseh      |
| 15.         | Y.B. Dato' Abd. Samad bin Haji Ibrahim, D.P.N.S., D.N.S.,<br>J.P., P.M.C., P.J.K.  | Seri Menanti |
| 16.         | Y.B. Dato' Haji Yunus bin Rahmat, D.S.N.S., D.M.S.M., K.M.N.,<br>J.P., P.J.K.  | Klawang      |
| 17.         | Y.B. Dato' Haji Ishak bin Ismail, D.S.N.S., J.P., K.M.N., A.M.N.   | Lenggeng     |
| 18.         | Y.B. Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali, P.M.C.   | Sungai Lui   |
| 19.         | Y.B. Tuan Haji Abu Samah bin Mahat, D.N.S., A.N.S., P.M.C.   | Johol        |

| <b>BIL.</b> | <b>NAMA</b>  | <b>ADUN</b>    |
|-------------|--|----------------|
| 20.         | Y.B. Tuan Mohd. Ghazali bin Abd. Wahid, A.N.S., P.M.C. | Paroi          |
| 21.         | Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Mohd. Redza                 | Lingga         |
| 22.         | Y.B. Tuan Mohd. Isam bin Mohd. Isa, A.N.S., P.J.K.     | Gemencheh      |
| 23.         | Y.B. Tuan Loke Siew Fook                               | Chennah        |
| 24.         | Y.B. Tuan Haji Aminuddin bin Haji Harun                | Sikamat        |
| 25.         | Y.B. Tuan Cha Kee Chin                                 | Bukit Kepayang |
| 26.         | Y.B. Tuan Gunasekaren a/l Palasamy                     | Senawang       |
| 27.         | Y.B. Tuan Chai Tong Chai                               | Chuah          |
| 28.         | Y.B. Tuan Ean Yong Tin Sin                             | Lukut          |
| 29.         | Y.B. Tuan Yap Yew Weng                                 | Mambau         |
| 30.         | Y.B. Tuan Ng Chin Tsai                                 | Temiang        |
| 31.         | Y.B. Tuan Ravi a/l Munusamy                            | Port Dickson   |
| 32.         | Y.B. Tuan Veerapan a/l Superamaniam                    | Rebah          |
| 33.         | Y.B. Puan Mary Josephine Prittam Singh                 | Rahang         |
| 34.         | Y.B. Tuan Chew Seh Yong                                | Bahau          |
| 35.         | Y.B. Tuan Siow Kim Leong                               | Lobak          |
| 36.         | Y.B. Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan                   | Nilai          |

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG  
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. Y.B. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, D.P.N.S., D.P.T.J., J.M.N., P.A.T., A.M.T.)
2. Y.B. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Dato' Ishak bin Sahari, D.P.T.J., S.M.P.)
3. Y.B. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Dato' Haji Tahar bin Haji Sudin, D.P.N.S.)

**TURUT HADIR**

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Encik Mohd. Amin bin Ludin, A.N.S.)
2. PENOLONG SETIAUSAHA  
(Cik Nursheeba Laili bt. Safian)

**Setiausaha Dewan:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

[Persidangan dimulakan pada jam 10.00 pagi]

**Setiausaha Dewan:** Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13.

**1. MEMBACA DOA**

**Setiausaha Dewan:** Susunan Mesyuarat. Perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Paroi.

[Y.B. ADUN Paroi telah membacakan doa di bawah Peraturan 9, muka surat 11 di dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

**2. PERUTUSAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN**

**Setiausaha Dewan:** Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t., salam sejahtera. Segala puji bagi Allah, tuhan seru sekian alam, selawat dan salam buat junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan; Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Yang Berhormat ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya juga, kita dapat hadir ke Persidangan Ketiga Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13. Seperti mana biasa, di persidangan ketiga ini akan menumpukan kepada pembentangan dan perbahasan mengenai bajet bagi tahun 2014. Dan saya berharap ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian dalam sesi perbahasan dengan penuh hemah. Saya juga berpesan agar ahli-ahli Yang Berhormat terus mematuhi dan mengikuti Peraturan-Peraturan dan

Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Perhimpunan Undangan Negeri, Negeri Sembilan. Sekian, selamat bersidang.

### **3. PERINGATAN MESUARAT**

**Setiausaha Dewan:** Perkara ketiga, Peringatan Mesyuarat Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Kali Kedua (Perasmian) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 30 September, 1 dan 2 Oktober 2013.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Peringatan Mesyuarat Kali Kedua (Perasmian) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 30 September, 1 dan 2 Oktober 2013 telah pun diedarkan salinannya. Oleh itu, ada apa-apa teguran, sekiranya tiada diharap seorang ahli mencadangkan dan seorang ahli menyokong supaya disahkan.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan agar mesyuarat kali kedua Dewan Undangan Negeri Sembilan Penggal Yang Ke-13, untuk penggal yang pertama disahkan, yang telah diadakan pada 30 September, 1 dan 2 Oktober 2013 yang lalu.

**Y.B. ADUN Jeram Padang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Peringatan Mesyuarat ini disahkan, sila angkat tangan [semua ahli Dewan Undangan Negeri mengundi], yang tidak bersetuju, yang berkecuali. Peringatan Mesyuarat ini disahkan.

**[Peringatan Mesyuarat Kali Kedua (Perasmian) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 30 September, 1 & 2 Oktober 2013 disahkan tanpa pindaan dan Y.B. Yang Dipertua Dewan menandatangani Peringatan Mesyuarat tersebut.]**

#### **4. MEMBENTANGKAN KERTAS DEWAN**

**Setiausaha Dewan:** Perkara keempat, Membentangkan Kertas Dewan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin membentangkan Kertas Dewan yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu yang pertama, Kertas Dewan Bilangan 3/2013 – Anggaran Hasil Tahun 2014. Yang kedua, Kertas Dewan Bilangan 4/2013 – Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2014. Dan kertas tiga, Kertas Dewan Bilangan 5/2013 – Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2014.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas Dewan Bilangan 3 hingga 5 Tahun 2013 adalah dibentangkan.

#### **5. MEMBENTANGKAN LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN**

**Setiausaha Dewan:** Perkara kelima, Membentangkan Laporan Dan Penyata Kewangan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, iaitu nombor 1, Penyata Kewangan dan Laporan Ketua Audit Negara; Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Dan kedua, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara; Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Laporan dan Penyata Kewangan adalah dibentangkan.

#### **6. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

##### **6.1 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Pertama)**

**Setiausaha Dewan:** Perkara keenam, Pertanyaan-Pertanyaan. Yang pertama, pertanyaan-pertanyaan yang berkehendakkan jawapan lisan hari pertama.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Klawang.

**Y.B. ADUN Klawang:** Dato' Dipertua, soalan saya yang pertama.

**Y.B. ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya merujuk kepada soalan yang pertama daripada Yang Berhormat ADUN Klawang bahawa bagi keseluruhan projek perumahan awam harga rendah bagi seluruh Negeri Sembilan, terdapat sebanyak 120 unit kekosongan sehingga bulan di, November bagi tahun 2013. Kekosongan ini adalah kerana disebabkan oleh beberapa sebab yang antaranya yang banyak menyumbang kepada kekosongan ini adalah kerana penguatkuasaan kepada penyewa-penyeua yang telah menduduki rumah-rumah awam harga rendah bagi seluruh Negeri Sembilan. Perkara yang menjadi, menyumbang kepada kekosongan ini adalah kerana kebanyakannya yang menyewa ini mempunyai tunggakan yang begitu tinggi sehingga *enforcement* atau penguatkuasaan terpaksa diambil kepada penyewa-penyeua dan ini menyebabkan kekosongan berlaku bagi sesuatu kawasan. Sebagai, selain daripada itu, penyewa-penyeua juga dikenakan tindakan untuk membatalkan perjanjian mereka kerana didapati ada di kalangan mereka telah menyewakan rumah kepada orang lain. Dan ada juga penyewa-penyeua yang ditawarkan bagi menduduki rumah-rumah awam harga rendah ini tidak menduduki rumah tersebut dan ditinggalkan kosong. Ini kerana rumah-rumah yang telah diberikan kepada mereka akan dirampas dan, kerana itu berlaku kekosongan.

Dato' Yang Dipertua, sepanjang tempoh, bagi tempoh bulan Disember tahun 2013, jumlah tunggakan sewa rumah awam harga rendah ter, yang terkumpul adalah sebanyak [RM]931,331 dan sen 93. Walaupun jumlah ini agak besar, tetapi pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perumahan telah melaksanakan beberapa cadangan dan langkah bagi mengurangkan tunggakan ini, yang antaranya ialah kita mencadangkan dan membuat, melakukan penjadualan semula. Yakni menstrukturkan semula bayaran sewa kepada mereka-mereka yang didapati tidak mampu untuk melaksana dan mebayarkan sewa mereka, maka struktur semua penjadualan pembayaran sewa ini dilakukan. Ini di, didapati menyumbangkan sedikit sebanyak mengurangkan kadar

ataupun jumlah tunggakan yang berlaku dipada, kepada setengah-setengah kes. Selain daripada itu kita juga, Kerajaan Negeri juga mengeluarkan notis tunggakan kepada penyewa-penyewa yang terlibat. Dan dalam masa yang sama Unit Perumahan telah membuka sebanyak mungkin kaunter-kaunter kutipan luar yakni untuk memudahkan penyewa-penyewa bagi membayar sewa mereka, sewa bulanan mereka pada setiap bulan untuk mereka melaksanakan tanggungjawab dan komitmen mereka untuk membayar sewa.

**Y.B. ADUN Klawang:** Dato' Dipertua, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat ADUN Pertang dan Kerajaan Negeri di atas kelincinan pengurusan kutipan sewa rumah-rumah berkenaan. Kalau kita lihat, masih lagi terdapat mereka yang memerlukan rumah ini. Saya difahamkan masih terdapat senarai menunggu untuk mereka mendapat peluang menduduki rumah berkenaan. Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan pengisian ini, membuat pengisian ini dalam tempoh yang terdekat? Terima kasih.

**Y.B. ADUN Pertang:** Dato' Yang Dipertua, tentunya kekosongan sebanyak 120 unit ini akan diisi secepat mungkin. Pengisian kepada lot-lot kosong ini akan dilaksanakan bagi tempoh terdekat. Yakni bermula saja bagi tahun 2014, maka kekosongan ini akan dipenuhi dan diisi. Ini kerana permohonan untuk mengisi rumah-rumah kosong ini terlalu ramai. Saya bagi contoh, seperti contoh bagi rumah Rakyat Taman Abuk Jaya, kita mempunyai kekosongan, hanya kita kekosongan sebanyak 63 unit, tetapi permohonan untuk menduduki kawasan ini adalah seramai 297 orang. Kerana itu, Unit Perumahan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah menjalankan berbagai kaedah yang antaranya ialah mereka ataupun permohonan ini, pemohon-pemohon ini terpaksa melepas saringan untuk melayakkan mereka bagi diterima ataupun diluluskan permohonan mereka untuk menduduki rumah-rumah rak, awam harga rendah ini. Maka dengan itu, semakan *data*, data dan temuduga dijalankan oleh pihak Unit Perumahan. Dan apabila mereka yang benar-benar layak sahaja, maka kita akan tawarkan sebagai pemohon yang berjaya bagi memiliki ataupun menduduki rumah awam harga rendah bagi seluruh kawasan Negeri Sembilan. Terima kasih.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Soalan seterusnya.

**Y.B. ADUN Klawang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 2.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jalan Bukit Tangga daripada Seremban ke Kuala Klawang, yang menghubungkan antara kedua bandar ataupun daripada Kuala Klawang ke Seremban, kalau nak dibandingkan dengan 10 tahun yang lalu, banyak perubahan yang telah pun dibuat. Kalau dulu, jika pengguna jalan raya, sesiapa yang nak ke Kuala Klawang ataupun daripada Kuala Klawang nak ke Seremban, kalau dah masuk waktu senja ataupun malam tu, memang jalan tersebut, kalau boleh mereka tidak mahu gunakan. Dan sebelumnya tu, keadaannya amat menyukarkan pengguna lalu lintas. Jalan yang bengkang bengkok, jalan yang berliku-liku, memang terkenal jalan Bukit Tangga pada ketika itu. Bahkan ia menyebabkan banyak kemalangan berlaku terutamanya apabila musim hujan dan jugak waktu malam.

Tetapi alhamdulillah, kerajaan telah pun mengambil inisiatif untuk mempermudahkan jaringan jalan raya di Negeri Sembilan. Dan jalan raya di Kuala Klawang tersebut telah pun dapat dinaik taraf, ataupun di Bukit Tangga tersebut dapat dinaik taraf hasil daripada bantuan Kerajaan Pusat di atas permohonan daripada penduduk, daripada Jelebu dan jugak Kerajaan Negeri, jalan tersebut telah pun dinaik taraf dan telah pun dapat dibesarkan dan diluruskan pada masa lepas.

Dan usaha untuk menaik taraf dan jugak menjaga keselamatan di jalan Bukit Tangga tersebut sentiasa dilakukan oleh pihak JKR. Berbagai-bagi usaha telah pun dibuat, umpamanya meluruskan selekoh-selekok yang tajam. Baru-baru ini telah selesai satu selekoh yang tajam, yang mana kemalangan berlaku, sebuah lori tangki meletup disebabkan oleh, sebaik sahaja habis penurunan Bukit Tangga, nak ke Kuala Klawang ada satu selekoh yang amat tajam. Dan ini telah pun diluruskan dengan bantuan Kerajaan Pusat. Di atas jalan Bukit Tangga tersebut jugak, berbagai-bagi usaha telah dibuat, pemasangan lampu sekarang telah pun dibuat. Maka jalan tersebut terang, tak seperti dulu gelita.

Dan pemasangan isyarat-isyarat kepada pemandu-pemandu. Kadang-kadang yang menjadi kemalangan ini Dato' Yang Dipertua, adalah disebabkan oleh pemandu yang tidak biasa dengan keadaan jalan di sana. Dan ke, pemandu yang kadang-kadang tidak memandang ataupun mengambil serius amaran-amaran ataupun isyarat-isyarat jalan raya yang telah pun diletakkan oleh pihak JKR. *Amber lights* dan juga *transverse warning lights*, semua telah pun dipasang. Termasuk *signage-signage*, dengan izin, pemasangan papan-papan tanda yang

menyatakan selekoh ataupun apa jua amaran dan isyarat-isyarat jalan telah pun dipasang oleh pihak JKR.

Walau bagaimanapun, pihak JKR Negeri Sembilan telah pun memohon sedikit peruntukan daripada pihak JKR Ibu Pejabat sebanyak hampir 3 juta ringgit untuk meluruskan selekoh tajam yang mana menurun bukit daripada Bukit Tangga ke Seremban. Yang daripada puncak bukit ke Kuala Klawang nampaknya jalan tersebut telah pun dinaik taraf dan amat selesa sekali untuk digunakan oleh pengguna jalan raya. Yang harus dilihat sekarang ialah daripada, menurun bukit daripada arah Kuala Klawang ke Seremban. Jadi usaha-usaha sentiasa dijalankan oleh pihak JKR seperti pemasangan isyarat-isyarat, papan-papan tanda, memasang lampu-lampu isyarat dan jugak yang paling penting sekali ialah kita menasihatkan kepada pengguna jalan raya, tidak ada jalan yang dipanggil sebagai selekoh maut, ataupun jalan maut. Yang paling pentingnya ialah kita mesti sentiasa berhati-hati semasa berada di atas jalan raya, sebagai pengguna jalan raya, terutamanya di musim hujan sekarang ini, jalan-jalan licin. Walaupun jalan tersebut lurus, tetapi kadang-kadang ia merbahaya. Banyak kita dengar kemalangan jiwa berlaku kebelakangan ini Dato' Yang Dipertua, bukan di selekoh-selekoh tajam, tetapi banyak berlaku di lebuh raya ataupun jalan-jalan yang lurus, yang kadang-kadang pengguna jalan raya lalai dan leka semasa memandu. Jadi nasihat kita ialah, supaya memandulah dengan cermat, memandulah dengan berhemah agar kita sentiasa selamat semasa berada di atas jalan raya. Terima kasih.

**Y.B. ADUN Klawang:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Dan, kalau dilihat memang betullah apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat. Arah ke Bukit Tangga, daripada Seremban, memang melibatkan banyak kemalangan. Boleh katakan tiap-tiap minggu. Lori 'gotah', lori pasir dan sebagai, lori kayu terbalik. Saya memandang perkara ini begitu serius dan memang dilihat banyak kerugian yang dialami oleh pihak-pihak yang berkenaan. Dan tahniah jugaklah kepada JKR yang telah pun menampakkan proses peningkatan jajaran selekoh berkenaan dan nampaknya begitu baik. Cumanya ada beberapa selekoh lagi yang perlu kita naik tarafkan. Jadi, pada pandangan saya, bilakah agaknya Kerajaan Persekutuan dapat membantu kita bagi memperelokkan selekoh tersebut? Kerana laluan tersebut menjadi laluan utama sekarang ini, terutamanya setiap hujung minggu, Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Seperti yang saya sebutkan tadi Dato' Yang Dipertua, bahawa Kerajaan Negeri Sembilan ataupun melalui JKR

Negeri Sembilan, kita telah pun memohon sedikit peruntukan untuk kita menaik taraf selekoh tajam yang berada daripada menurun bukit daripada Kuala Klawang ke Seremban. Walau bagaimanapun, usaha untuk kita menaik taraf ni akan sentiasa kita jalankan. Selalunya, Dato' Yang Dipertua, kemalangan ataupun lori-lori yang berat-berat, lori besar ni, dia selalu bermasalah apabila mendaki bukit, pemandu lori ni nombor 1, dia melebihi muatan. Nombor 2, dia kadang-kadang, pemandu lori dia kadang-kadang tidak dapat mengagak dia punya *slope rating* dia tu berapa. Kadang-kadang lori ada yang boleh naik, ada yang tak boleh naik. Kadang-kadang bila dia tak boleh naik, dia cuba tukar gear dia tak boleh masuk Dato' Dipertua, dan dia punya *axle* akan *jammed*. Jadi bila *axle jammed*, pemandu lori panik, kadang-kadang lori dia mengundur, dia patahkan dia punya stereng, menyebabkan lori boleh terbalik. Ini macam-macam isu, bukan disebabkan oleh jalan sahaja. Lori yang berat kadang-kadang tak boleh daki bukit, dia berhenti, dan dia akan buatkan dia punya *axle*, dia punya *gear box*, dan macam-macam boleh akan, akan tidak berfungsi. Dan jika pemandu yang kurang mahir, mengendalikan kenderaan, ini akan menyebabkan lori tersebut akan mengundur ke belakang dan macam-macam hal boleh berlaku.

Walau bagaimanapun, kita akan meneruskan dalam tahun hadapan ataupun dalam *Rolling Plan*, dengan izin, *Rolling Plan* yang ketiga, Rancangan Malaysia Kesepuluh ini untuk memohon, bukan sahaja untuk menaik taraf jalan di Bukit Tangga, tetapi ada banyak lagi dalam radar JKR Negeri Sembilan untuk kita pastikan menaik taraf dan menyelenggara jalan ini sebagai keutamaan Kerajaan Negeri untuk kita memberikan kemudahan dan jugak keselesaan kepada pengguna jalan raya. Terima kasih.

#### **Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Soalan seterusnya.

**Y.B. ADUN Lenggeng:** Dato' Yang Dipertua, saya mohon membuat soalan tambahan, menyambung daripada soalan ahli Yang Berhormat daripada Klawang. Kerana jalan Klawang ke Seremban ini, saya yang menggunakan selalu sebab kampung saya di situ. Kalau kita sebut jalan Klawang ke Seremban, saya lihat daripada Klawang ke kilometer 14, jalan tu dah boleh dikatakan baik, telah dibuat. Tetapi daripada kilometer 14 naik ke kilometer 5, menyambungi kawasan Ampangan, saya tak nampak ada apa-apa pun yang dijalankan terhadap jalan ini yang boleh membantutkan perjalanan. Pagi tadi saya sendiri ada di kawasan itu, berhadapan dengan pintu masuk kepada Sungai Terip, orang ramai *complain*, bagaimana dia kata dua tahun dah dia mintak

agar longkang jalan tu dibuat kepada JKR, sampai hari ini tak berbuat. Dua tahun. Cuba Dato' Yang Dipertua bayangkan, dua tahun kalau orang kahwin, dah 'duo' anak 'eh' dah. Tak 'yo' longkang tu, tu. Tuan-tuan bayangkanlah apa yang dibuat. Dan sebelum simpang naik ke lebuh raya LEKAS, saya tengok tadi, dah sebulan dah tembok jambatan tu runtuh, pun tak be-repair. Diletakkannya kain, seolah kain rentang, *you are welcome to the bridge*, seolah macam tulah katanya. Jadi, saya mohon kepada pihak berkuasa, apabila kita menyebut jalan Klawang – Seremban, Klawang ke batu 14 tak ada masalah dah, kilometer 14. Kilometer 14 membawak ke kilometer 5, harus pihak JKR, saya ingat JKR ini kena tengok betul-betul. Jangan dia tak tengok. Saya .....

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Soalan.

**Y.B. ADUN Lenggeng:** ..... tak tahulah bila masa JKR ni pergi 'nengok'. Kalaulah tembok jambatan tu boleh sebulan dah runtuh, dengan tak ada apa tindakan. Saya yakin dan percaya, JKR Negeri tak buat kerja.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Tak ada soalan.

**Y.B. ADUN Lenggeng:** Soalannya, bila nak buat ni?

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Yang Dipertua, memang dalam radar semua, tapi JKR terpaksa memberikan keutamaan disebabkan oleh nombor 1, kekangan kewangan. Nombor 2, boleh jadi kewangan tersebut datang daripada Persekutuan, dan kita yakin bahawa JKR akan berusaha untuk sentiasa untuk menaik taraf dan jugak menyelenggara jalan-jalan. Dan kita ambil perhatian kawasan-kawasan yang memerlukan keutamaan untuk dinaik taraf dan jugak untuk diselenggara. Inshaa allah.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Soalan seterusnya.

**Y.B. ADUN Klawang:** Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 3. Terima kasih.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Yang Dipertua, berbagai-bagi kempen telah pun dilakukan oleh kerajaan melalui agensi-agensi dan jugak jabatan-jabatan berkenaan dengan betapa pentingnya kita, orang ramai, rakyat negara ini dan jugak khususnya di Negeri Sembilan untuk kita menjaga dan jugak menyayangi sungai. Sebab sungai Dato' Dipertua, adalah merupakan sebahagian daripada hidup kita. Kalau di zaman dulu, sebelum adanya jalan raya, yang baru kita cakap ni tadi, sungai merupakan satu-satunya infrastruktur untuk orang menggunakan sebagai penghubung di antara satu tempat ke satu tempat. Tetapi apabila jalan raya dibuat, sungai semakin lama semakin kurang dia punya, fungsi dia. Sehingga sungai sekarang ini, ataupun dulu dijadikan, selepas tidak digunakan lagi, digunakan sebagai tempat pembuangan sampah dan macam-macam lagi. Dan kalau dilihat rumah orang dulu-dulu Dato' Yang Dipertua, rumah mereka menghadap sungai. Laman rumah mereka menjadi sebagai tebing sungai, menjadi sebahagian laman rumah mereka. Dan mereka menjaga sungai ataupun anak-anak air, ataupun parit-parit di kawasan-kawasan mereka kerana sungai adalah merupakan sesuatu yang amat penting dalam kehidupan masyarakat pada ketika itu.

Malangnya Dato' Yang Dipertua, sekarang ini orang tidak memandang pentingnya sungai. Bahkan sungai tidak dipedulikan. Ha itu sebabnya Dato' Yang Dipertua, sungai sekarang ni dah menjadi sebagai, kalau ada boleh saya katakan sungai, sebatang sungai di Negeri Sembilan ini merupakan sungai, antara paling kotor dalam negara kita. Jadi, malangnya Dato' Yang Dipertua, sungai tersebut pulak merupakan tempat punca kita, salah satu loji merawat air dan air tersebut dibahagikan untuk kita minum semula, orang ramai.

Jadi, masalahnya sekarang ialah masalah sikap, sikap orang ramai yang mana berbagai-bagi kempen telah kita jalankan, Sayangi Sungai, Cintai Sungai, Sayangi Alam Sekitar kita. Kerana sungai ini Dato' Yang Dipertua, adalah merupakan satu-satunya punca air minuman kita. Punca minuman air utama di Negeri Sembilan adalah daripada sungai. Jadi, saya, kerajaan mintak supaya orang ramai mari sama-sama pastikan, walaupun kempen berakhir, walaupun kempen tak dibuat, marilah kita pastikan supaya kita jaga sungai, sebab punca minuman kita.

Nombor 2, sungai kalau tak diselenggara, yang mana be, beratus-ratus juta ringgit, berpuluhan-puluhan juta ringgit digunakan dan telah pun di, digunakan oleh kerajaan untuk menyelenggara sungai, tetapi jika sikap masyarakat, sikap orang ramai, masih lagi tidak mahu melihat betapa pentingnya sungai dalam kehidupan kita, dan terus-menerus mencemarkan sungai, kita takut sungai satu hari nanti akan menjadi

penyebab kepada bencana kepada kita. Ni kadang-kadang kita dah dengar dah, bencana banjir kilat. Banjir kilat berlaku disebabkan oleh sungai tersumbat, parit-parit tersumbat, sampah-sampah sarap yang ditolak selepas hujan lebat Dato' Yang Dipertua, ter, kadang-kadang terhadang di pembentung, ataupun di tiang-tiang jambatan, dan akhirnya menyebabkan banjir. Yang mana banjir mendatangkan banyak kemasuhan kepada kita. Dan akhirnya kita yang tidak tahu menghargai dan menjaga sungai, akhirnya terpaksa menghadapi bencana dan kerugian yang besar.

Jadi Dato' Yang Dipertua, kita harap supaya masyarakat di Negeri Sembilan khususnya, mari sama-sama walaupun kadang-kadang tidak ada kempen ataupun kempen dah 'habih' supaya kita ajar sikap, kita ajar anak-anak kita, kita ajar semua supaya sungai ini adalah penting kerana punca minuman kita. Dan nombor 2, kalau tak dijaga dan kita tidak sayangi sungai, sungai satu hari nanti akan mendatangkan banyak malapetaka kepada kita. Umpamanya banjir-banjir, dan apabila *ban* dia pecah, disebabkan oleh tersangkut sampah, ataupun airnya melimpah mengatasi *ban* dia, tebing dia pecah, umpama apa yang terjadi di Kuantan. Kuantan, banjir kali ini teruk sebab apa *ban* sungai, tebing dah pecah. Dan air melimpah begitu cepat, dan banyak harta benda yang musnah tanpa dapat diselamatkan kerana air naik begitu cepat Dato' Yang Dipertua. Jadi, kami, ataupun kerajaan menyerulah marilah sama-sama kita jaga sungai, kita sayangi sungai kerana sungai ini adalah sebahagian daripada kehidupan kita seharian, Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

**Y.B. ADUN Klawang:** Dato' Yang Dipertua, tahniah kepada Kerajaan Negeri. Baru-baru ni, setiap tahun, malah dah kali ke-14, Sungai Kenaboi dijadikan tempat sukan yang paling ternama sekarang ni, KRC (Kenaboi River Challenge). Saya melihat potensi Sungai Kenaboi ini akan menjadi terkenal sekiranya ianya digunakan berterusan dan dipelihara baik. Soalnya, adakah cadangan pihak JPS dan Kerajaan Negeri untuk mendalamkan sikit sungai di lokasi pelepasan KRC ini di Kampung Puom, Kampung Kenan namanya, dekat kawasan loji tapisan air yang, Yang Amat Berhormat Dato' Seri kunjungi baru-baru ni, kerana di situ terdapat, kedalaman sungai di situ agak tak begitu baik dan perlu didalamkan supaya pasir-pasir yang menghala ke Sungai Teriang, di bawah pada jambatan itu dapat kita dalamkan sungai tersebut, supaya laluan seterusnya untuk air Sungai Kenaboi itu mengalir dengan baik, sehingga muka sauk Petaseh seterusnya ke Sungai Teriang, di Empangan Sungai Buluh? Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat DUN Klawang kerana sama-sama mempunyai hasrat untuk melihat supaya Sungai Kenaboi ini yang mana merupakan satu tempat kita adakan sukan berkenu, berkayak setiap tahun dah menjadi sebagai sukan peringkat, dikenali peringkat antarabangsa. Baru-baru ni, baru lepas, bulan lepas, kita telah adakan *Kenaboi River Challenge*, ramai yang mengambil bahagian. Tapi, bersetuju dengan cadangan, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Klawang ini, iaitu Sungai Kenaboi ini dah mula cetek. Dan apabila nanti, kita siap *impounding* ataupun memenuhi empangan, Empangan Kenaboi ini Dato' Yang Dipertua, Sungai Kenaboi ni nanti airnya makin lama makin berkurangan, tetapi *dam* ataupun empangan yang kita buat itu, dengan izin, adalah *reticulation dam*, ia bukan mengempang terus tapi akan keluarkan air di mana dekat Petaseh kita pam air untuk kita menyedut air kita nak pam bawak ke Loji Ngori-Ngori di, di, di Seremban ataupun di Pantai.

Isunya di sini Dato' Yang Dipertua, adalah, memang dulu kita dalamkan sungai tersebut. Dibenarkan untuk mengambil pasir supaya pasir ini akan sentiasa, akan dapat kita pantau dan tidak mencetekkan terutamanya di kawasan tempat pelepasan. Baru-baru ini kedengaran peserta-peserta kata pun, sungai ni dah banyak berpasir, jeram-jeram dia pun dah, dah, dah tak sebegitu menarik seperti dulu lagi. Tapi masalah dia Dato' Dipertua ialah, dulu kita bagi, saya ingat Dato' Dipertua, ini, Yang Berhormat Klawang pun sama-sama setuju dengan saya, kita bagi orang ambil pasir, tapi seluruh Jelebu gegar gempita, bersorak ke hulur hilir, marah, sebab kata apa pasal ambil pasir dekat Puom, rosak jalan, macam-macam. Sebab agaknya dia tak dapat agaknya, Dato' Dipertua, sebab kalau dapat dia diam. Ni, mana yang tak dapat ni yang bising kadang-kadang. Bukan hasrat kita nak bagi kepada orang tu, kita tak kenal pun siapa. Tapi, tujuan kita supaya kita menjaga dan jugak menyelenggara sungai tersebut dengan baik. Agaknyalah, sebab, disebabkan oleh jalan pecah-pecah ke, apa ke, ha, itu penguatkuasaan. Penguatkuasaan perlu ada.

Tapi isu dia di sini ialah kita perlu menyelenggara sungai tersebut. Mengambil pasir ini tujuannya utamanya menyelenggara dan me, mempastikan supaya sungai ini tidak tohor atapun tidak cetek dan boleh menyebabkan banjir. Jadi, terpulanglah kepada Yang Berhormat Klawang dan jugak kawan-kawan di Jelebu, Yang Berhormat – Yang Berhormat, pastikan dan kita berbincang supaya kerajaan tak mahulah jadi, ini sebagai satu isu sehingga bising di kedai-kedai kopi, macam-macam Dato' Yang Dipertua. Hasrat kita bukannya sebenarnya nak kepada pengusaha-pengusaha pasir, tapi yang pentingnya ialah Sungai Kenaboi tersebut diselenggara dan dinaik taraf. Siapa yang ambil pasir, boleh jadi besok dibagi kepada koperasi ke, mana-mana ke,

itu terpulang. Tapi dengan syarat, sekarang di Dato' Yang Dipertua, dah ada kita buat pulak kemudahan untuk pam air di Petaseh. Dan di, dekat dengan, dengan Puom, Kampung Puom tu ada tempat pintu sauk untuk kita pam air untuk Loji Titi yang telah pun kita naik taraf sebanyak 4 juta. Boleh memberikan air yang begitu baik kepada penduduk di kawasan-kawasan sekitar di Puom, di Kampung Esok dan yang lain-lain.

Jadi, mesti berhati-hati kerana kita jugak tidak mahu kualiti air yang diambil oleh pihak Syarikat Air Negeri Sembilan tersebut terjejas dan tercemar kerana ia akan menyebabkan kos operasi yang amat tinggi bagi pihak SAINS apabila menyedut air, air yang keruh, dan air yang tercemar, dan terpaksa dirawat dan menggunakan bahan-bahan kimia yang banyak, dan ini menyebabkan kos operasi yang tinggi kepada Syarikat Air Negeri Sembilan. Jadi apa jua keputusan yang bakal diambil, perlu berhati-hati kerana kita lihat dan pasti bahawa Sungai Kenaboi ini merupakan satu sungai yang mempunyai kemudahan-kemudahan awam yang banyak di kawasan tersebut. Terima kasih Dato' Dipertua.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Dipersilakan ADUN Chuah.

**Y.B. ADUN Chuah:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Kemukakan soalan pertama.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan Industri Kecil dan Sederhana, kawasan-kawasan di Negeri Sembilan, memang ada setiap daerah kawasan-kawasan Industri Kecil dan Sederhana. Dan ianya telah pun dibukak lama dah, setiap daerah ada. Misalnya di Daerah Seremban, Kawasan Industri Ringan Jalan Tampin, Senawang, Tun Dr. Ismail, Kuala Sawah, College Heights. Dan di Port Dickson – Industri Bukit Palong, industri Perdana Lukut, Kawasan Industri Bukit Indah, dan macam-macam lagilah. Macam di Kuala Pilah – industri Dioh, Beting. Jempol – Bahau, Mahsan, Serting. Dan Jelebu – Singkong.

Industri Kecil Sederhana ini, tapak-tapaknya memang ada wujud. Dan dilihat daripada perangkaan penggunaannya masih lagi banyak tempat yang kosong, melainkan di kawasan Seremban. Di kawasan Seremban terdapat suatu masalah Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan kawasan tapak perindustrian Kecil dan Sederhana ini kerana dah penuh. Di kawasan jalan Kuala Sawah pun dah penuh, di industri kecil Jalan Tampin pun dah penuh, dan yang lain-lain. Tapi di daerah-daerah

lain banyak. Itu sebabnya di Seremban, kerajaan bercadang untuk membukak satu lagi kawasan industri ataupun tapak Industri Kecil dan Sederhana di kawasan Siliau, Dato' Yang Dipertua, di bawah PKNNS, yang sedang kita rundingkan dengan tuan punya tanah untuk kita bukak lagi satu kawasan Industri Kecil dan Sederhana kerana untuk memberikan kemudahan di atas permintaan yang banyak sekarang. Industri Kecil dan Sederhana ini Dato' Yang Dipertua, merupakan industri yang memangkinkan ekonomi Negeri Sembilan. Bukan sahaja ekonomi kita bergantung sepenuhnya kepada industri 'bosar-'bosar', tetapi Industri Kecil dan Sederhana ini merupakan industri keluarga, industri masyarakat, dan industri pengusaha-pengusaha individu yang mana mereka ini merupakan pengusaha yang berjaya dan mereka merupakan yang yang mengambil pekerja-pekerja yang banyak mengusahakan usaha-usaha persendirian mereka. Jadi, Industri Kecil Sederhana ini memang kita galakkan penubuhannya dan berbagai, itu sebabnya Kerajaan Pusat pun mempunyai banyak agensi-agensi ditubuhkan semata-mata untuk membantu pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana ini di seluruh negara.

Di Negeri Sembilan, kita ada, PKNNS merupakan sebagai *platform*, ataupun dengan izin, sebagai badan yang menyelaraskan Indsutri Kecil dan Sederhana bersama-sama dengan agensi-agensi lain. Inshaa allah, Dato' Yang Dipertua, dari masa ke semasa, memang tapak-tapak Industri Kecil dan Sederhana memang dijadikan seba, di dalam pemetaan kita dan sentiasa dipantau. Terima kasih.

**Y.B. ADUN Chuah:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Rantau, berkaitan dengan zon-zon yang Industri Kecil dan Sederhana, saya nampaknya di kawasan Chuah, semua penternak ada kekurangan pendapatan. Adakah rancangan di DUN Chuah, ataupun di Tanah Merah, di mana-manakah, bukak satu tapak untuk menyambungkan kawasan industri untuk memangkinkan ekonomi tempatan? Sebab kita tengok estet pun dah pekerja ramai dari pendatang asing, dan anak tempatan pun tak ada apa-apa cara kehidupan untuk cari. Adakah Kerajaan Negeri untuk membukak atau rancangan bukak satu tapak Industri Kecil Sederhana bagi kawasan Chuah? Sekian terima kasih.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Yang Dipertua, seperti yang kita sebutkan tadi, di Daerah Port Dickson, kita cuba sedaya upaya supaya setiap daerah ada kawasan Industri Kecil dan Sederhana-nya. Dan memang ada. Memang ada setiap daerah ada tapak Industri Kecil dan Sederhana, sama ada dibuat oleh kerajaan ataupun dibuat dengan hasil kerjasama dengan pihak swasta. Kebanyakan ini dibuat oleh, nombor 1

oleh PBT-PBT Dato' Yang Dipertua, dan juga usahasama dengan pihak-pihak swasta.

Tadi, Yang Berhormat Chuah mengatakan di kawasan Chuah dia, kita cuba sedaya upaya untuk mengadakan di setiap daerah. Kita tidak mampulah untuk setkan di kawasan Chuah, di kawasan Dewan Undangan Negeri, kerana kita ada 36 dan kesesuaiannya kadang-kadang ada kawasan yang tidak sesuai. Ada kawasan yang sesuai. Tapi di Chuah tu, seperti yang telah pun disebut di dalam Dewan yang mulia ini, semasa kita Persidangan kali Kedua tempoh hari Dato' Dipertua, ada diarankan, kerajaan, saya mensarankan supaya PFA yang dulunya lama dah terbengkalai ya, kawasan *Pig Farm Area* tu, tersebut, yang mana kawasan tu khusus, status tanahnya khusus iaitu status tanahnya khusus tidak boleh lain se, semata-mata untuk kawasan penternakan babi. Saya telah cadangkan, kerajaan telah cadangkan supaya bermuafakatlah semua tuan punya tanah, kerana kita tidak lagi akan benarkan, kerajaan tidak mahu melihat kawasan tersebut menjadi kawaan ternakan babi. Kerana dah dengan kita punya KLIA 2, terminal kedua, Dato' Yang Dipertua, sebelah pagar. Mana mungkin kita bawak pelancong datang, *welcome to Malaysia, look at our pig farm*. Tak boleh. Amat mengerikan kalau jatuh kapal terbang, masuk dalam kandang babi. Kalau nak mati, *what a way to die*, dengan izin. Janganlah mati dalam kandang babi, ya.

Jadi, Dato' Dipertua, sarankan supaya, Yang Berhormat sendiri ya, dan jugak rakan-rakan pemimpin tempatan, pakat-pakat, runding-runding elok-elok supaya semua pemegang tanah PFA di kawasan di Tanah Merah tersebut, di kawasan Chuah tersebut, berunding dan kita bersedia. Kerajaan membuka laluan seluas-luasnya untuk kita berunding, setelah berpakat elok-elok, nak buat apa. Nak buat industri, nak kawasan perumahan, nak buat PKS, kecil dan sederhana, suka hati. Tapi kita sekali saja. Dan kerajaan, kita akan bagi kelonggaran, umpamanya premium-premium yang sepatutnya dibayar, kita akan pertimbangkan di atas dasar norminal. Ini yang boleh kita buat. Dan saya yakin dan percaya di atas permintaan untuk kawasan industri ke, komersial ke, di kawasan tersebut, adalah lebih tinggi. Dan tidak mungkin orang yang ada di situ, penternak dulu yang ada di situ Dato' Dipertua, yang ada dua ekar, tiga ekar, boleh untuk mereka menepati syarat-syarat yang dibuat oleh Jabatan Veterinar. Untuk buat reban secara moden Dato' Dipertua, memerlukan belanja yang amat besar. Tak mungkin. Dan mereka tidak *viable*. Projek tersebut tidak akan *viable*.

Jadi saya sarankan, kerajaan sarankan supaya permuafakatan dibuat, rundingan dibuat supaya tuan punya tanah ini beralih kepada untuk

mereka mengusahakan tanah tersebut kepada kawasan industri ke, komersial ke apa, kita tak kisah. Dan kerajaan mengalu-alukan. Dan kita akan menolong seboleh yang mungkin untuk kita membela nasib orang-orang yang telah lama terjejas ini. Terima kasih.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Soalan seterusnya.

**Y.B. ADUN Chuah:** Soalan seterusnya, soalan kedua.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Yang Dipertua, seperti mana kita tahu bahawa liputan bekalan air terawat di Negeri Sembilan ini amat berjaya. Kita dah hampir, tinggal lagi 1 peratus saja ya, yang belum ada bekalan. Bekalan-bekalan yang lain semua dah kita buat. Cumanya kadang-kadang masalah-masalah air terputus ataupun kualiti. Tapi dari segi dasarnya, 99 peratus kawasan kependudukan di Negeri Sembilan ini telah ada bekalan air terawat. Cuma yang 1 peratus ini, Dato' Yang Dipertua, ada kawasan-kawasan seperti di kawasan, kawasan yang terpencil-pencil yang mana nombor 1 kawasan estet-estet. Kawasan estet ni kadang-kadang kita nak, di bawah Bekalan Air Luar Bandar, kita nak buat, tapi kadang-kadang estet ini tak mahu. Ha, dia nak buat sistem dia, dia ambil daripada air perigi dialah, dipamnya, dia apa, dia tak mahu bayar. Kerana pembayaran bil air di estet-estet ini dibuat secara meter berpukal, meter berpukal ini dibayar oleh estet itu sendiri. Tapi kita dah dapat pujuk dah banyak. Macam baru-baru ini, tahun lepas, ataupun awal tahun, kita dah sediakan bekalan air terawat di kampung, di, di, di, *Ulu Sawah Estate*, di Kombok estet, dan jugak beberapa estet-estet di kawasan di Jempol. Dari masa ke semasa Dato' Yang Dipertua, kita akan berunding dengan pihak estet supaya kita mesti jaga kesejahteraan dan jugak pekerja-pekerja mereka. Jadi, ini satu kawasan estet.

Nombor 2, kawasan yang belum ada lagi adalah kawasan, Dato' Dipertua, adalah kawasan yang di kawasan kampung-kampung Orang Asli yang majoritinya kawasan kampung Orang Asli ni dah ada dah, tapi ada beberapa kampung yang jauh untuk dimasukkan paip. Kita cuba untuk buat secara, bekalan air secara graviti Dato' Dipertua. Kita buatkan macam di Tengkek, itu kita buat *mobile* ataupun loji bergerak, unit bergerak untuk kita buat sistem tapisan dan di situ nanti diambil airnya di kawasan tersebut. Kita dak dapat nak letakkan paip kerana kos dia terlalu tinggi dan kadang-kadang rumahnya 10, rumahnya 11 buah rumah, 15 pun paling banyak pun. Kosnya terlalu tinggi. Dan saya telah mintak pihak SAINS supaya, apabila loji di kawasan Titi

tersebut telah pun, itu hari telahpun kita tukar, ubah suai, dan kita ada loji baru. Loji lama, sistem tapisan yang *bottling system* dengan izin, Dato' Yang Dipertua, masih bagus, tetapi *bottling system* ini dia tidak boleh menerima kekeruhan melebihi 1,000 NTU. Lebih pada 1,000 NTU, sistem *jammed*. Jadi kita jugak boleh buat ini. Kerana sistem ini amat baik. Telah terbukti lama berkhidmat untuk kawasan di Jelebu. Tetapi disebabkan oleh pembangunan yang pesat di kawasan tersebut, kekeruhan air amat tinggi, melebihi, bila hari hujan kadang-kadang melebihi 1,000 NTU, *bottling system* ini tidak boleh lagi digunakan, dan tidak praktikal kerana ia tidak boleh menapis dan jugak merawat air dengan secara sepenuhnya. Dan kita ada lebih kurang 12 *bottle* yang besar-besar ini, dia *silo-lah*, besar Dato' Dipertua, dengan pasir, dengan apa semua. Ini boleh kita *distribute*, ataupun boleh kita, dengan izin Dato' yang Dipertua, iaitu kita boleh letakkan di kawasan-kawasan yang kita lihat tadi tidak munasabah ataupun terlalu tinggi kosnya untuk kita tarik paip daripada jalan utama ke kampung-kampung tradisi ataupun kampung-kampung Orang Asli yang amat jauh dan susah untuk kita buat.

Jadi, ini antara kawasan-kawasan yang belum ada lagi. Dan kita sedang berusaha dan pastikan supaya seboleh mungkin, *on best effort basis*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, untuk kita pastikan supaya setiap kawasan kependudukan di Negeri Sembilan ini mendapat bekalan air terawat apabila kita dapat siapkan sistem kita, Dato' Dipertua, terima kasih.

**Y.B. ADUN Chuah:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan. Walaupun, tahniah untuk Yang Amat Berhormat. Ada satu kawasan masih tidak ada, maknanya adalah rancangan yang strategi, oleh kerana tu saya ambil Dewan yang mulia ini, untuk ambil perhatianlah, di kawasan saya maknanya Kampung Baru Site C, lebih kurang ada 15 buah rumah, dah *transformed*, dah tukar syarat daripada ternak khinzir, dah tukar jadi katak dan ayam. Malangnya sampai hari ini masih tidak be, ada bekalan air paip. Minggu lepas, saya dengan pejabat jabatan SAINS, juruteranya adalah pergi tempat siasat tu, oleh kerana tu saya mintak, Dewan ini ambil perhatian dengan secepat mungkin uruskan ataupun persediaan untuk membekalkan apa yang bual-bual tu, Yang Amat Berhormat kata tu, sekian terima kasih.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Dipertua, dia ada dua cara. Satu luar bandar ini dia adalah diuruskan oleh Kementerian Luar Bandar, ya. Projek Air Luar Bandar ni adalah tugas Kementerian Luar Bandar. SAINS cuma membekalkan. SAINS adalah syarikat yang membekalkan

air yang terawat. Dan untuk mengadakan paip-paip ini khususnya di kawasan luar bandar, dibuat oleh Kementerian Luar Bandar. Dan kita sentiasa buat. Setiap tahun ni, ada, berpuluhan-puluhan juta kita dapat untuk membekalkan sistem ataupun mengganti paip-paip lama, ataupun menaik taraf paip-paip lama. Jadi, di kawasan Yang Berhormat Chuah tersebut, kita boleh masukkan ke dalam bajet tahun hadapan, untuk kita masukkan membekalkan air paip di sana. Tapi, kalau SAINS buat pun, kita buat bukan sampai ke rumah ya. Kita sampai ke satu kawasan, dan untuk menarik ke rumah masing-masing, dibuat oleh tuan-tuan punya rumah. Dato' Dipertua, terima kasih.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Soalan seterusnya.

**Y.B. ADUN Chuah:** Soalan ketiga.

**Y.B. ADUN Labu:** Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Chuah, sektor akuakultur merupakan industri yang dikenal pasti mampu untuk meningkatkan pengeluaran ikan negara dan bagi menampung sumber protein rakyat Malaysia. Di samping itu jugak, boleh menjana ekonomi. Sektor akuakultur yang berpotensi tinggi mengambil alih peranan sebagai sumber utama perikanan negara bagi menggantikan sektor perikanan marin yang telah mencapai penerokaan optima. Oleh itu, Jabatan Perikanan sentiasa mengadakan usaha dan mengambil langkah proaktif untuk menambah sumber pengeluaran hasil akuakultur dengan melaksanakan dasar akuakultur selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2011 – 2020 yang memfokuskan kepada empat perkara utama.

Iaitu yang pertama, peningkatan kawasan di mana Jabatan Perikanan berusaha untuk mendapatkan kawasan baru melalui permohonan kawasan zon industri akukultur. Dan di Negeri Sembilan, peningkatan pengeluaran hasil akuakultur dengan menumpukan kepada spesis utama iaitu seperti ikan keli, ikan talapia merah, udang galah dan udang laut. Selain daripada itu, dasar akuakultur juga mengutamakan pembangunan teknologi kaedah perladangan dan struktur pengurusan ladang dengan kos efektif serta praktikal. Pelaksanaannya adalah seperti berikut: pertamanya, mengenal pasti teknologi dan kaedah pengurusan sedia ada. Keduanya, mempromosi dan memindahkan teknologi kepada pengusaha akuakultur. Ketiganya, pensijilan. Dan keempatnya, pematuhan berkaitan dengan piawaian global. Perkara yang ketiga, yang dititik beratkan ialah berkaitan dengan bekalan benih

ikan atau udang yang konsisten serta berkualiti. Yang keempatnya, peningkatan pengeluaran bahan makanan akuakultur berkualiti, berkos efektif dan menepati piawaian keselamatan.

Dato' Yang Dipertua, dilihat dari kesan dasar akuakultur ini kepada rakyat dan negeri, dari segi hasil pendapatan dan peluang ekonomi, adalah sangat besar sebenarnya. Antaranya, yang pertama ialah peningkatan kawasan melalui zon industri akuakultur ini dapat menarik minat pelabur-pelabur swasta menjalankan projek akuakultur secara berpusat serta memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Yang keduanya, penumpuan kepada spesis utama yang mempunyai nilai tinggi seperti ternakan udang galah dan udang laut dapat meningkatkan pendapatan dan membuka peluang ekonomi kepada pengusaha akuakultur. Contohnya, penternak udang galah di negara ini iaitu Encik Low Chong Ming telah mendapat pengiktirafan sebagai pemenang Usahawan Ikan Jaya Kebangsaan pada tahun 2009. Beliau menghasilkan purata, keluar udang galah 150 tan sebulan dengan harga ladang RM45.00 ringgit pertan, perkilogram. Hasil kasar setiap bulan meningkat sehingga 67,500.00 ringgit. Pendapatan bersih tahunan beliau sebanyak antara [RM]300 ribu hingga [RM]400 ribu berdasarkan harga ladang udang galah antara 45.00 ringgit hingga 50.00 ringgit perkilogram.

Yang keduanya, mewujudkan industri hiliran seperti ikan keli salai, keropok lekor dan popia berdasarkan inti ikan. Dan yang keempatnya, mewujudkan sektor agro pelancongan seperti pusat ikan hiasan di Port Dickson dan Pengkalan Sungai Timun. Dato' Yang Dipertua, inilah antara kesan-kesan yang diperolehi oleh rakyat, masyarakat, hasil daripada dasar akuakultur di Negeri Sembilan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**Y.B. ADUN Chuah:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Baru-baru ni kita dapat maklumat katakan di PD adalah memelihara *corus*, maknanya karanglah, itu selain pada ikan dan udang yang lain-lain. *Corus* maknanya karanglah, K.A. karang, ya adalah satu untuk membiayai, untuk menarik pelancongan menambahkan faedah ataupun ekonomi untuk negeri. Adakah Kerajaan Negeri untuk menambah ataupun untuk meningkatkan kualiti, untuk membiayai *corus* ataupun untuk satu pelancongan ataupun satu *tour* untuk pendidikan pelajar di antarabangsa atau di luar negara ialah tu yang paling hebat adalah Australia. Dan untuk itu, kemungkinan kita akan menarik ramai pelancong dan jugak meningkatkan ekonomi di Negeri Sembilan?. Sekian, terima kasih.

**Y.B. ADUN Juasseh:** Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan sikit Dato' Yang Dipertua. Dia sebut *corus*, Dato' Dipertua.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** *Coral.*

**Y.B. ADUN Juasseh:** Ha, saya nak betulkanlah, sebab di dalam Dewan yang mulia ni. Saya rasa *coral* ya.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Dipertua, dia memandang kepada saya, dia mintak saya jawab agaknya. Ada satu tempat Dato' Yang Dipertua, di kawasan Tanjung Tuan, yang telah pun kita akan ataupun telah ataupun akan, saya kurang periksa Dato' Dipertua, diwartakan sebagai Taman Laut. Di mana ia banyak batu karang. Batu karang ini cantik-cantik Dato' Dipertua, dan ia, kita telah bersetuju dengan Jabatan Laut Malaysia untuk kita jadikan ianya kawasan, kawasan Taman Laut. Di Negeri Sembilan ini tak banyak Dato' Dipertua, walaupun kita punya persisiran pantai kita panjang, tapi tidak semua kawasan pantai kita ini ada batu karang. Cuma di kawasan tersebut sahaja, ada batu karang. Dia punya masalah Dato' Dipertua, ialah untuk menjaga kawasan tersebut kerana bila ada batu karang, banyak ikan. Bila banyak ikan, orang datang nak tangkap ikan. Jadi bila orang datang tangkap ikan, karang akan rosak. Kadang-kadang dia pakai pukat, kadang-kadang dengan memancing sahaja Dato' Dipertua, dengan menggunakan mata kail, akan tersangkut ke batu karang, dan batu karang akan musnah. Dan ikan di sana pulak adalah merupakan ikan-ikan yang berkualiti tinggi.

Jadi, Dato' Dipertua, kita, Jabatan Laut, apa yang dibuat oleh Jabatan Laut ialah mengeluarkan lesen secara berkala. Dia macam pergi memburu ayam hutan. Bukan sepanjang tahun ada lesen, tapi dikeluarkan lesen ada dia punya pintu masa untuk sebulan ataupun dua bulan. Supaya untuk menjaga karang, dan dalam masa yang sama jugak, membenarkan supaya penangkapan ikan boleh dilakukan di kawasan tersebut.

Dan, dalam masa yang sama untuk menolong para nelayan ini Dato' Dipertua, semasa DUN Klawang menjadi exco pertanian dan jugak perikanan dulu, banyak tukun-tukun tiruan yang telah dilepaskan di kawasan laut Port Dickson untuk kita menolong para nelayan untuk mendapat kawasan ternakan ikan yang baru. Jadi, jawapan kepada Yang Berhormat Chuah tu tadi, memang ada, tapi kawasan tak besar. Tidak semua kawasan laut di Negeri Sembilan ini ada batu karang. Dan

ada satu kawasan telah kita kenal pasti, dekat dengan kawasan Tanjung Tuan dan ini telah kita jadikan sebagai Taman Laut yang mana ia dipantau dan diuruskan dan diselenggarakan oleh Jabatan Laut Malaysia. Terima kasih.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Saya persilakan ADUN Seri Menanti.

**Y.B. ADUN Seri Menanti:** Terima kasih yang, Dato' Yang Dipertua. Saya menguka, mengemukakan soalan yang pertama.

**Y.B. ADUN Labu:** Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh ADUN Seri Menanti ini, berkaitan dengan binatang peliharaan terbiar, memanglah kita akui bahawa terdapatnya ya, binatang ataupun ternakan liar ini yang berlaku ya, terutamanya di kawasan Seri Menanti. Namun begitu, Dato' Yang Dipertua, keadaan ini adalah merupakan satu keadaan yang terkawal, jadi oleh yang demikian, berbagai usaha ya, telah pun dilakukan. Usaha-usaha tersebut antaranya ialah mengadakan kerjasama dengan penduduk ataupun penternak terlibat untuk melakukan program ya, penandaan pengenalan ternakan ini supaya memudahkan ya, pihak berwajib dan tuan punya ternakan mengecam ternakan yang berkeliaran serta memudahkan tindakan-tindakan perundangan sekiranya berlaku keadaan ini.

Yang keduanya, mengadakan program translokasi ternakan terbiar ini di kawasan tumpuan sasaran dengan persetujuan tuan punya supaya ternakan-ternakan ini juga dapat dikawal dan tidak berterusan berkeliaran. Yang ketiganya, membantu para penternak membangunkan kawasan penanaman ataupun kawasan ragut ini supaya ianya dapat menempatkan ya, para, atau, ternakan ini dapat ditempatkan supaya ianya tidak terus berkeliaran. Dan jugak selain daripada itu, bekerjasama dengan lain-lain agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai peruntukan undang-undang berkaitan ternakan berkeliaran dan jugak binatang yang terbiar ini, dengan menyediakan khidmat dan kepakaran menangkap dan mengekang ternakan ini supaya tidak berterusan, ternakan ini berkeliaran di kawasan tersebut.

Yang kelimanya, memberi khidmat nasihat dan ceramah kesedaran kepada tuan punya ternakan supaya mereka dapat bertanggungjawab mengandangkan ya, ternakan-ternakan ini supaya keselamatan binatang-binatang ternakan ini terus dapat di, dijaga.

Yang keenamnya, mengadakan kawasan kurungan ternakan terbiar di kawasan-kawasan yang sering menimbulkan permasalahan ternakan terbiar ini. Kawasan kurungan ternakan ini akan dikelolakan oleh penduduk setempat dengan kerjasama Jabatan Veterinar.

Dato' Yang Dipertua, inilah antara usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak berkaitan bagi mengatasi masalah ternakan terbiar terutamanya di kawasan-kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat Seri Menanti tadi. Terima kasih.

**Y.B. ADUN Seri Menanti:** Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Walaupun telah disebut tadi oleh Dato' exco kita iaitu kawasan, pengkhususan kawasan Seri Menanti. Tapi apa yang disebut tadi sebenarnya belum berlaku lagi sama ada mendidik peng, pengandangan binatang-binatang liar, apa ni, yang peliharaan terbiar ataupun beberapa perkara yang disebut tadi. Kerana sampai sekarang masih lagi berlaku banyak binatang-binatang peliharaan terbiar ini yang sentiasa berkeliaran di jalan raya yang menyebabkan kemalangan. Berlaku kematian, kecederaan dan banyak harta-harta awam telah musnah. Ini yang telah berlaku. Pertanyaan saya, bilakah ya, akan dilaksanakan program-program ini bagi apa ni, mem, memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna dan masyarakat. Yang disebut tadi, di Seri Menanti. Saya nak tanya, bila?

**Y.B. ADUN Labu:** Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan ini, sebenarnya berkaitan dengan binatang-binatang ataupun ternakan-ternakan yang terbiar ini ya, tidak semestinya kita mengadakan program yang tertentu. Melalui pertemuan-pertemuan kita bersama dengan masyarakat, pastinya perkara ini boleh kita serapkan supaya tuan punya – tuan punya ternakan ini bertanggungjawab bersama berkaitan dengan ternakan-ternakan yang terbiar. Saya yakin dan percaya bahawa Jabatan Veterinar ya, terutamanya, dia sentiasa berusaha, tetapi kadang-kadang kita tidak dapat, Jabatan Veterinar ni tak dapat kerjasama daripada penternak-penternak tersebut. Malah penternak-penternak ini mengelak daripada menyatakan bahawa itulah ternakan mereka, itu sebabnya. Jadi, itulah Dato' Yang Diperuta, yang boleh saya jelaskan. Tapi dalam masa yang sama, kita berharap supaya penternak-penternak ini dapat ya, bersama-sama dengan pihak kerajaan, pihak Jabatan Veterinar supaya dapat ya, kita mempastikan bahawa ternakan ini tidak terus berkeliaran yang membolehkan membawa kepada kemerbahayaan terutamanya pengguna-pengguna jalan raya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Soalan seterusnya.

**Y.B. ADUN Seri Menanti:** Dato' Yang Dipertua, saya mengemukakan soalan yang kedua.

**Y.B. ADUN Pertang:** Dato' Yang Dipertua, kerana gerai inilah maka Seri Menanti ni dikunjungi ramai orang. Gerai-gerai di sepanjang jalan Kuala Pilah – Seremban ni sebenarnya adalah merupakan salah satu daripada tarikan pelancong ke Negeri Sembilan. Dan kerana itu juga sepanjang, bagi Kerajaan Negeri, kita tidak ada sebarang halangan untuk menyekat mana-mana peniaga kecil untuk membuka perniagaan secara kecil-kecilan di sepanjang jalan protokol Seremban – Kuala Pilah. Malah kita, Kerajaan Negeri sentiasa berhubung dengan peniaga-peniaga ini supaya menjaga kebersihan, hias gerai betul-betul supaya mereka dapat menaikkan imej dan juga dijadikan gerai-gerai ini sebagai salah satu daripada tarikan pelancongan ke Negeri Sembilan.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Seri Menanti, dari segi soal aliran trafik ini, gerai ini bukanlah sebahagian besar ataupun penyumbang kepada *traffic jam*, dengan izin, sepanjang laluan jalan Seremban – Kuala Pilah ini, kerana laluan ini adalah merupakan laluan utama bagi pengguna-pengguna jalan raya ke Pahang, ke Jempol, ke Bahau dan juga ke Jelebu. Aliran trafik ini kerana sistem jalan raya dan juga jumlah trafik yang melalui kawasan ini bertambah hampir tiga kali ganda pada setiap musim perayaan dan hujung minggu. Mereka yang bermiaga ini sebenarnya juga adalah merupakan, membawa satu, orang kata apa, sebagai satu imej tersendiri. Kita nak cari telur itik, pergi ke gerai di jalan Seremban – Kuala Pilah. Nak cari lemang tepung, pergi ke gerai berkenaan. Nak cari itik bakar, *sorry*, itik salai, pergi ke gerai yang berkenaan. Kerana di Jelebu, kurang. Di Tampin, tak ada. Di Port Dickson, apatah lagi. Jadi, saya mintak supaya, bagi pihak Kerajaan Negeri, untuk makluman Dewan yang mulia ini, gerai ini kitakekalkan. Cuma saya nak mintak bagi pemimpin tempatan kita bagi sokongan kepada mereka, mintak supaya mereka jaga kebersihan, hiaskan gerai ini sehingga tidak mengganggu pengguna-pengguna jalan raya. Terima kasih.

**Y.B. ADUN Seri Menanti:** Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Walaupun saya dalam soalan tu ya, menyata, saya nyatakan penyusunan, menyusun gerai-gerai tersebut. Apa yang menyebabkan, yang menyebabkan gerai-gerai tersebut, menyebabkan pertamanya berlaku *traffic jam*, aliran trafik sesak. Yang kedua dia, berlaku

kemalangan. Jadi sebab itu, gerai-gerai tersebut, saya menyokong, sentiasa menyokong membuka gerai-gerai tersebut. Tetapi perlu disusunkan supaya dapat mengelakkan perkara-perkara ini. Soalan saya tadi, soalan saya itu iaitu apa usaha-usaha untuk menyusun tadi. Jadi nampaknya apa tadi, tak menjawab dengan tepat usaha untuk menyusun gerai-gerai tersebut, supaya mengelakkan kemalangan dan kesesakan-kesesakan yang berlaku, bukan saja setiap hujung minggu, kadang-kadang tiap-tiap hari. Sebab saya setiap hari melalui jalan tersebut. Yang itu soalan saya. Kawasan 'se', saya tahu.

**Y.B. ADUN Pertang:** Dato' Yang Dipertua, saya dah jawab soalan. Dia betul, kata penyusunan semula. Saya kata maksudkan ialah kerana gerai adalah menyumbang kepada tarikan pelancong kepada Negeri Sembilan. Soal aliran trafik, saya dah jawab. Dia tidak, *jammed* bukan kerana gerai tetapi kerana pertambahan aliran trafik ketika hujung minggu dan musim perayaan. Hari kerja, jalan ni tak *jammed*. Saya tak tahu kalau waktu bila kerana saya juga mela, menggunakan laluan ini ke kawasan saya kesekian kalinya. Dan untuk makluman ADUN semenanti, mintak maaf, ADUN Seri Menanti, bahawa penyusunan ini sudah dibuat. Kita buat satu, sejumlah gerai, 16 unit di kawasan Ulu Bendul. Tetapi gerai ini tidak mendapat sambutan kerana peniaga-peniaga di kawasan jalan protokol ni adalah mereka yang duduk di kawasan berkenaan. Dia meniaga jual rambutan, pokoknya satu batang pokok, tapi tak habis makan, dia jual buat gerai di depan rumah tu. Dia buat lemang untuk anak-anaknya balik, tapi tak habis makan, dijual di depan itu.

Jadi, kerana itulah untuk makluman apa, di samping kerana kita nak buat sendiri tak boleh. Jadi, biar dia .....

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Dipertua, mohon mencelah. Saya rasa tak benar kenyataan lemang dijual tu lemang tak habis, ya.

**Y.B. ADUN Pertang:** Mintak maaf. Itu saya, saya menggambarkan bahawa produk itu bukanlah dibuat dalam bentuk *mass product*, dengan izin, tetapi produk yang sedikit, yang berkualiti tinggi. Dan kita lihat bahawa soal kemalangan, dia, gerai ini, kalau dah *jammed*, kereta tak boleh laju, macam mana boleh jadi kemalangan. Jadi, saya nak mintak, saya nak betulkan bahawa Yang Berhormat ADUN Seri Menanti ni, kita nak naikkan semua kawasan-kawasan .....

**Y.B. ADUN Seri Menanti:** Mintak saya mencelah Yang Berhormat. Dua minggu lepas, apabila salah seorang pengguna jalan raya, dia nak *u-turn*, dia *u-turn*, nak membeli barang kat situ, lepas tu kem, *accident*, kemalangan dan berlaku kematian dua orang. Ini fakta Yang Berhormat. Terima kasih.

**Y.B. ADUN Pertang:** Dato' Yang Dipertua, walau bagaimanapun, saya nak mintak supaya pemimpin-pemimpin tempatan khususnya ADUN Seri Menanti, supaya kita, membantu pihak Kerajaan Negeri di dalam kita *educate* ataupun kita memberikan penjelasan kepada peniaga-peniaga kecil ini, supaya tidak menyumbang kepada kemalangan. Maknanya, penggunaan gerai yang kita dah lihat bahawa memangnya tidak menyumbang kepada kemalangan, tetapi kalau berlaku kemalangan, itu adalah merupakan satu perkara yang tidak boleh kita elakkan. Jadi, Dato' Yang Dipertua, saya mintak kerjasama supaya kita bagi sokongan kepada peniaga-peniaga kecil ini dan kita juga harus menjadikan tempat-tempat ini sebagai satu tempat yang boleh menyumbang kepada kegiatan ekonomi di peringkat negeri, inshaa allah, terima kasih.

**Y.B. ADUN Palong:** Dato' Yang Dipertua, boleh, boleh tambah tak soalan tambahan. Dato' Yang Dipertua, saya pun bersetuju supaya jalan ini dijadikan jalan pelancongan. Dan saya pun tak bersetuju supaya dipindahkan peniaga-peniaga. Dan jalan Kuala Pilah ke Seremban ini *jammed* memang disebabkan oleh pengusaha-pengusaha gerai yang ada di kiri kanan jalan kerana mereka yang datang membeli-belah di situ, kadang-kala tidak cukup tempat *parking*. Penyusunan yang dimaksudkan oleh ahli daripada Seri Menanti tadi, termasuklah membina tempat *parking* yang cukup. Dan apabila tempat *parking* yang cukup ini dibina, saya yakin dan percaya dia dapat mengurangkan kadar kesesakan lalu lintas yang ada di perse, di kawasan tersebut.

Yang kedua, Dato' Yang Dipertua, kita kena tengok balik bagaimana kawasan ini dapat kita pertingkatkan dari segi keselamatan dia. Kerana seorang je yang menjalankan aktiviti nikah anak di kawasan tersebut, *jammed* dia sampai ke Batu Kikir.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Soalan dia Yang Berhormat.

**Y.B. ADUN Palong:** Dan kalau Yang Berhormat lalu ke Pertang, hari Isnin sampai hari Khamis, memang dia tak *jammed*. Tapi kalau hari

Jumaat, Sabtu dan Ahad, memang laluan tersebut menjadi laluan yang sangat sukar untuk kita lalu. Boleh tak pihak kerajaan menaik taraf segala gerai-gerai yang ada di kawasan tersebut, termasuklah cadangan untuk menambah tempat *parking* di sekitar gerai tersebut?

**Y.B. ADUN Pertang:** Dato' Yang Dipertua, cadangan daripada ADUN Palong itu adalah merupakan cadangan yang sangat baik. Dan kita sentiasa memantau dalam soal-soal yang berkaitan dengan keselamatan khususnya soal-soal yang berkaitan dengan *parking* dan sebagainya. Tetapi untuk makluman Dewan yang mulia, bahawa sepanjang jalan protokol Seremban – Kuala Pilah, sepanjang jalan Kuala Pilah, Batu Kikir dan Serting, termasuk Pertang, adalah di lingkungi ataupun kiri kanan jalan itu adalah merupakan tanah-tanah milik dan tanah-tanah adat. Jadi ini adalah memberikan satu perkara yang menghalang untuk kita mengadakan *parking-parking* khusus kerana gerai ini seperti saya sebut berada di hadapan rumah-rumah mereka. Jadi saya fikir bahawa kita akan teruskan penguatkuasaan, kita akan teruskan pemantauan, supaya kita boleh kurangkan soal *traffic jam* dan sebagainya.

Tentang perkara bagaimana kita nak tingkatkan soal ataupun menaikkan taraf gerai ini, untuk makluman Dewan yang mulia, bahawa pada tahun 2007, saya ingat lagi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberikan sebahagian ataupun memperuntukkan sebahagian peruntukan untuk menaik taraf gerai-gerai yang berkenaan. Dan daripada 76 gerai yang berada di sepanjang jalan berkenaan, 20 gerai sudah pun dinaik taraf. Saya juga nak jelaskan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa bukan semua gerai ini dibukak sepanjang masa. Kita cuma ada sebahagian kecil saja yang jual makanan, yang jual itik, yang jual lemang tadi, tetapi sebahagian besarnya tu, ataupun sebahagian besar dari jumlah itu hanya dibuka ketika bermusim. Musim durian, musim dokong, musim langsat, musim manggis, itu je. Selain daripada tu, adalah gerai-gerai yang melibatkan makanan tradisional. Terima kasih.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Saya persilakan ADUN Repah.

**Y.B. ADUN Repah:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan pertama saya.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Yang Dipertua, memang kita dalam pentadbiran Kerajaan Negeri kita meletakkan sasaran-sasaran dan matlamat-matlamat yang perlu kita capai. Secara asas dia, Kerajaan Negeri sendiri pun kita meletakkan sasaran kita, ataupun KPI-lah dalam Bahasa Inggeris dia, ya. Sasaran dan matlamat kita. Umpamanya Dato' Dipertua, untuk kita merancakkan ekonomi Negeri Sembilan, misalnya, sejak daripada 2005 kita telah pun meletakkan sasaran iaitu kita mesti mendapatkan jumlah, sejumlah besar pelaburan baru datang ke Negeri Sembilan. Jadi matlamat kita pada ketika itu, mesti mendapat sekurang-kurangnya 1 bilion ringgit pelaburan baru dalam sektor pembuatan supaya kita dapat mencapai pembangunan yang baik dan merekodkan pertumbuhan ekonomi yang baik. Ha, itu KPI-lah masa tu. Tapi kita tak sebut KPI, Dato' Dipertua, kita sebut matlamat. KPI ni Bahasa Inggeris dia ya.

Dan, begitu jugak dengan agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang lain seterusnya. Kita mahu lihat supaya matlamat, sasaran diletakkan dan semua kakitangan awam bekerja, agensi-agensi bekerjasama sebagai satu pasukan untuk mencapai matlamat tersebut. Misalnya, pungutan hasil cukai tanah. Untuk tahun ini, 2013, matlamat telah pun kita sasarkan, meletakkan sasaran, mesti semua Pejabat-Pejabat Tanah di seluruh daerah di Negeri Sembilan mencapai sasaran 90 peratus pungutan hasil cukai tanah. Dulu kita tak dapat pun, dulu 70 peratus, tapi beransur-ansur kita naik-naikkan. Dan tahun ini kita letakkan 90 peratus. Alhamdulillah, secara puratanya, kita telah hampir mencapai, hampir 89.8 peratus agaknya Dato' Yang Dipertua, kerana dia ada masalah di Seremban, dan jugak masalah di kawasan di, seperti di Port Dickson. Lain-lain daerah Dato' Dipertua, ada satu daerah saya nak nyatakan, telah hampir mencapai 100 peratus, sampai 99.2 peratus pungutan hasil cukai tanah. Tak perlulah saya sebutkan sini, tapi, daerah mana. Dan, semua Pejabat Tanah melainkan dua daerah ini, telah melepassi KPI ataupun matlamat masing-masing.

Seremban dan jugak di kawasan yang lain, tak boleh pungut se, seperti yang apa yang nak dipungut, Dato' Dipertua, sebab ada beberapa sebab. Antara lainnya kerana dasar-dasar kerana kita buat *remission*. Macam Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Cina, apa semua, kan, kita punya cukai tanah di dalam bil cukai kita, boleh katakan, katakan [RM]1,000.00 tapi kita buatkan dia punya *remission*, kita buat 2.00 ringgit sahaja, ya. Begitu jugak dengan institusi-institusi lain. Tapi, dari dalam rekodnya, mereka me, mengeluarkan bil yang, yang, yang sebenar tapi pungutannya tidak seperti apa yang dibilang kerana kita, Kerajaan Negeri bagi *remission* kepada cukai tanah tersebut. Sekolah-sekolah misalnya, dan jugak rumah-rumah ibadat yang lain-lain ya. Jika

nama sekolah ataupun rumah ibadat di atas nama persatuan ataupun nama, bukan nama perseorangan.

Begitu jugak dengan yang lain-lain, Dato' Dipertua. Macam jabatan, Pusat Pungutan Zakat Negeri Sembilan misalnya. Tiap-tiap tahun ada matlamat, tiap-tiap tahun mereka telah pun melepassi matlamat. Bahkan setakat sekarang, Dato' Dipertua, tahun 2013 ini, Pusat Zakat diberikan matlamat oleh Majlis Agama Islam supaya dapat mengutip zakat sebanyak [RM]68 juta. Sekarang, telah dapat lebih daripada [RM]70 juta.

Ha, ini matlamat-matlamat, KPI-KPI yang kita letakkan dan kita sentiasa memantau. Dalam mesyuarat-mesyuarat di peringkat negeri, kita memantau hasil kerja, kita punya jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan. Seperti yang sekarang ni, kita sedang menuai hasil kecemerlangan kita. Dulu kita tak dapat banggakan sangat keputusan peperiksaan umum sekolah-sekolah kita di Negeri Sembilan. Maka kita letakkan matlamat supaya keputusan umum UPSR, PMR, SPM, STPM, berada dalam kelompok kelima teratas di peringkat kebangsaan. Alhamdulillah, mereka telah pun berada di kelompok kelima, bahkan berada di kelompok ketiga teratas. Itu sasaran kita.

Jadi menjawab pertanyaan ADUN Repah, KPI-KPI yang diletakkan ini sentiasa dipantau dan saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada semua jabatan dan kakitangan awam serta agensi-agensi Kerajaan Negeri Sembilan, dapat mencapai KPI masing-masing. Dan, macam jenayah misalnya, indeks jenayah, KPI kita untuk menurunkan KPI, dengan banyak. Berjaya. Macam KPI kita di, nak memantau penyakit demam denggi misalnya, mesti kita pantau betul-betul. Dan semua kita berjaya. Jadi, tahniahlah saya ucapkan kepada semua kakitangan awam dan juga penjawat awam, serta agensi-agensi kerajaan yang dapat mencapai matlamat masing-masing walaupun bekerja kadang-kadang itu, bekerja dalam keadaan yang, dalam serba kekurangan dari segi peralatan dan jugak kawasan-kawasan tempat mereka bekerja. Terima kasih.

**Y.B. ADUN Repah:** Terima kasih. Soalan tambahan saya, tadi Yang Amat Berhormat Rantau mengatakan ada dua daerah di mana pungutan cukai tanah ada masalah. Tapi, ini bermakna sistem KPI masih tidak berkesan. Jadi, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan bahawa dua daerah ini dapat, sistem KPI ini dapat dilaksanakan dengan baik.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Saya dah terangkan tadi Dato' Dipertua, mengapa KPI tersebut di daerah ini kita tak dapat. Kalau nak capai matlamat, boleh, besok pagi kita cukai tanah di sekolah Tamil, sekolah Cina, sekolah, dan jugak gereja-gereja dan jugak kawasan *temple* kita bagi 100 peratus. Dapatlah KPI, tak ada masalah. Saya dah sebutkan tadi, mengapa Seremban, mengapa PD, di mana majoriti banyak sekolah-sekolah sebegini, institusi-institusi sebegini, yang mana kita bagi *remission* cukai. Saya tak kata bermasalah. Saya katakan bahawa mereka itu, memang kita faham, tapi KPI secara keseluruhannya kita OK. Tapi, kalau Yang Berhormat daripada Repah hari ini, dan bersetuju, dipersetujukan oleh Dewan yang mulia ini, kerana nak mencapai KPI yang dihajatkan, boleh, kita boleh ubah dasar kita, sekolah-sekolah Cina, sekolah-sekolah Tamil, gereja-gereja, kuil-kuil, *temple-temple*, bayarlah cukai sepenuhnya. Tak ada masalah. Besok pagi boleh capai KPI. Bersetuju? Mengapa diam, setuju tak? Cakaplah, setuju ke .....

**Y.B. ADUN Repah:** Saya, saya tanya soalan berkenaan dengan daerah mana. KPI tadi .....

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Saya dah sebut tadi, dua daerah.

**Y.B. ADUN Repah:** Saya tidak menanyakan sama ada sekolah ataupun gereja-gereja tertentu .....

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Saya rasa .....

**Y.B. ADUN Repah:** Saya tanyakan daerah mana.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Yang Dipertua. Saya dah sebutkan tadi .....

**Y.B. ADUN Repah:** Jangan salahkan .....

**Y.A.B. ADUN Rantau:** .... saya dah sebutkan tadi.

**Y.B. ADUN Repah:** Kena fahamkan soalan tu, baru *you* jawab.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Baca *hansard* balik, saya rasa semua orang dengar. Dikatakan dua daerah ini yang tidak mencapai KPI dan bermasalah. Saya dah sebut mula-mula tadi, Seremban dan Port Dickson.

**Y.B. ADUN Repah:** Ya, saya tanya pasal daerah mana. Bukannya berkenaan gereja-gereja ataupun sekolah.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Saya dah sebut tadi, awal-awal. Saya katakan daerah Seremban dan Port Dickson. Baca *hansard*. Melainkan kalau Yang Berhormat tidak dengarlah. Mengalami masalah *temporary deafness problem*, dengan izin, ya. Dan Seremban kita faham, Port Dickson kita faham, kerana kita bagi *remission-remission*. Di daerah lain pun ada *remission*, tetapi peratusannya tidak banyak. Tapi sekolah-sekolah ini, institusi-institusi ini banyak di Seremban, banyak di kawasan Port Dickson. Jadi kita bagi iaitu kita bagi apa yang dipanggil sebagai pengurangan cukai membayar.

Baru-baru ini, dapat mesyuarat exco yang baru ini, di Port Dickson, Sekolah Tamil Springhill, yang kita bagi tanah sebanyak beberapa ekar, lebih daripada empat ekar rasanya, ke enam ekar, enam ekar kan, kita bagi *nominal premium*, patut bayar berbelas-belas ribu, kita cuma bayar, bagi dia bayar beberapa ringgit saja. [RM]1,000.00 saja, *nominal*, Dato' Ali kan? Ha, 1,000.00 ringgit saja. Dan cukainya dia patut bayar banyak kita bagi cuma dia bayar Cuma 1.00 ringgit saja. Itulah menyebabkan KPI ini tidak dapat dicapai. Bukannya disebabkan oleh kelemahan dalam sistem ataupun pegawai kita tidak mampu bekerja dengan baik. Isunya di sini, kita faham. Kerajaan Negeri faham dan Kerajaan Negeri mengerti dan bersama-sama memahami keadaan ini. Ha, itu dia. Jadi, dua daerah tadi, Seremban dan PD, saya dah cakap, ya, ok.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Soalan seterusnya.

**Y.B. ADUN Repah:** Saya kemukakan soalan yang kedua.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dasar Keselamatan Sosial yang telah pun kita gubal Dato' Yang Dipertua, pada tahun 2005, 2006, menampakkan hasil yang amat baik dan telah pun berjaya kita laksanakan dengan begitu berkesan sekali. Makanya dasar mensejahterakan rakyat ini akan

sentiasa menjadi sebagai agenda utama Kerajaan Negeri Sembilan di samping kita sentiasa menggubal dasar-dasar yang lain, dan mahu membangunkan negeri. Asas kepada kepentingan kerajaan kita, utamakan, ialah Dasar Jaringan Keselamatan Sosial supaya rakyat hidup dalam keadaan yang sentosa dan bahagia.

Dan itu sebabnya, Dato' Dipertua, kita telah pun menjalankan aktiviti-aktiviti untuk kita mensejahterakan rakyat melalui *deparment* ataupun jabatan-jabatan yang telah pun kita kenal pasti dan tentukan. Tiga jabatan yang besar, yang menjayakan kita punyai dasar ini adalah yang pertama sekali ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana menjadi kepada jabatan yang mengendalikan, menjayakan Dasar Jaringan Keselamatan Sosial ini. Banyak dah, setakat hujung bulan 11, tempoh hari, kita telah pun berjaya memberikan bantuan kepada 27 ribu lebih orang, yang menelan belanja hampir [RM]9.8 juta, ya. Itu dari Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja.

Daripada Majlis Agama Islam pulak, kita punya baitulmal, kita mengeluarkan bantuan, bantuan tetap bulanan. Dia ada dua jenis. Bantuan tetap bulanan oleh baitulmal hampir 6,000 orang setiap bulan tetapi bantuan yang dibagi berkala, bantuan orang bencana ke, dah hampir 33,000 orang, ya, Dato' Yang Dipertua. Hampir [RM]25 juta fisabilillah, asraf fisabilillah ini, digunakan pada tahun ini, setakat mesyuarat baru-baru ini, minggu lepas, hampir 25 juta ringgit asraf ini telah pun diagihkan kepada mereka, asraf fakir dan miskin, dan asraf fisabilillah, ya, banyak, Dato' Yang Dipertua.

Dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang membantu seribu lebih orang, Hal Ehwal Orang Asli yang mana menelan belanja lebih, hampir 2 juta ringgit.

Jadi, kita sentiasa memantau, Dato' Dipertua, dan baru-baru ini, walaupun sepatutnya di Dewan yang mulia yang bersidang pada kali ketiga ini, kita akan membawa apa dipanggil sebagai belanja tambahan yang dimintak oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, hampir [RM]2 juta, tetapi kita tak bawak ke sini kerana kita menggunakan sumber kewangan yang ada, mana-mana jabatan yang lain-lain yang tidak menggunakan, kita masukkan dan kita akan bagi. Kerana banyaknya permohonan baru yang telah diproses oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk diluluskan dan dibagi dan diagihkan kepada mereka yang telah disaring dan layak, benar-benar layak menerima bantuan.

Jadi Dato' Dipertua, ramai orang yang mendapat. Dan kita akan terus pastikan supaya Dasar Jaringan Keselemanan Sosial yang akan

menentukan kesejahteraan rakyat di negeri ini, dari segi pertolongan kita, bantuan bulanan kita, tidak termasuk dasar untuk kita bagi mereka perumahan dan yang lain-lain tu, termasuk kita bagi diskaun dalam sewa rumah dan macam-macam lagi Dato' Dipertua. Jadi, inshaa allah, hasrat Kerajaan Negeri, walaupun nak membangunkan negeri ini dengan segera, tetapi dalam masa yang sama, kesejahteraan masyarakat dan rakyat Negeri Sembilan akan terus menjadi keutamaan kita. Terima kasih.

**Y.B. ADUN Repah:** Soalan tambahan saya. Setakat hari ini berapakah peserta yang menerima bantuan kebajikan di dalam Daerah Tampin?

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Yang Dipertua, saya mohon notis, sebab saya tak tahu. Tapi saya tahu dalam Negeri Sembilan. Tampin tu yang, Yang Berhormat sendiri fahamlah, patut saya tanya beliau tu berapa di Tampin.

**Y.B. ADUN Repah:** Dato' Yang Dipertua, saya tanyakan soalan berkenaan berapa peserta di jabatan, yang menerima bantuan kebajikan di Daerah Tampin. Saya nak tahu statik dan bukannya .....

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Yang Berhormat .....

**Y.B. ADUN Repah:** .... menolak balik soalan tersebut kepada saya.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** .... dia mintak notis Yang Berhormat.

**Y.B. ADUN Pilah:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mencelah. Bagi menjawab soalan tersebut, bagi Daerah Tampin peningkatan permohonan dan kelulusan, keseluruhannya sehingga November 2013 ni, Daerah Tampin, penerima bantuan ialah sebanyak 3,436. Terima kasih.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Soalan seterusnya.

**Y.B. ADUN Repah:** Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan ketiga saya.

**Y.B. ADUN Pertang:** Dato' Yang Dipertua, bagi Daerah Tampin, khususnya bagi kawasan Tampin, Gemencheh dan Gemas, kita ada 607 unit gerai di bawah seliaan Majlis Daerah Tampin. Daripada 607 ini, kita ada kekosongan ataupun hanya 539 sedang disewa dan 68 unit lagi gerai adalah kosong.

Untuk makluman Dato' Yang Dipertua dan Dewan, Yang Berhormat ADUN Repah mengatakan bahawa peluang tidak sewajarnya diberi kaum India ini adalah tidak benar kerana kita tidak ada sebarang kuota untuk mengisi kekosongan gerai-gerai Majlis Daerah di seluruh kawasan PBT. Siapa-siapa boleh mohon. Setiap permohonan mestilah melalui syarat, kriteria yang tertentu yang telah ditetapkan oleh PBT melalui temuduga dan sebagainya. Daripada 539 itu, seramai 33 adalah di kalangan penyewa daripada masyarakat kaum India. Daripada 352 daripada kaum Melayu dan juga seramai 130, 124 daripada kaum Cina dan selebihnya, yakni 30 adalah daripada badan-badan dan kaum-kaum yang lain.

Jadi, untuk makluman Dewan Yang Dipertua bahawa kita juga menggalakkan permohonan daripada semua masyarakat khususnya daripada kaum Melayu, India dan Cina ini untuk mengisi kekosongan yang masih ada lagi sebanyak 68 unit di kawasan Majlis Daerah Tampin. Terima kasih.

**Y.B. ADUN Repah:** Terima kasih. Soalan tambahan saya, ada di antara gerai-gerai Majlis di Daerah Tampin khususnya di Kampung Baru, tidak diselenggara dengan baik. Contohnya, kerusi dan meja yang rosak tidak diperbaiki sehingga pada hari ini. Jadi, soalan saya, apakah tindakan Kerajaan Negeri ataupun pihak yang berkenaan untuk mengambil tindakan segera untuk membaiki kerusi-kerusi dan meja yang rosak ini?

**Y.B. ADUN Pertang:** Dato' Yang Dipertua, semua Majlis Daerah melalui PBT sememangnya kita sentiasa memantau dari segi soal-soal yang berkaitan dengan kemudahan gerai-gerai yang berkenaan. Pembaikan dan juga selia selenggara ataupun untuk memastikan gerai dan peralatan yang diberi oleh Majlis untuk disewa ini, adalah merupakan satu tanggungjawab dan tugas yang kita teruskan secara berterusan. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Repah, kita sewakan gerai je,

kerusi ni dan meja ni adalah dibekalkan ataupun disediakan oleh penyewa yang berkenaan kecuali gerai-gerai yang disediakan tempat meja dan kerusi kekal. Kalau itu yang rosak, kita *repair*. Tetapi masalah yang kita hadapi ialah, di, di kawasan-kawasan tertentu, terutamanya di kawasan Kampung Baru, Kampung Tiung, di kawasan pasar dan sebagainya, kebanyakan kerusi dan meja ini kita *repair* tapi dirosakkan balik. Kita *repair*, dirosakkan balik. Kerana sikap dan juga perangai sesetengah pengguna yang suka merosakkan harta benda awam ataupun *vandalism* ini. Terima kasih.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Yang Amat Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi pertanyaan-pertanyaan lisan telah pun tamat. Saya mengucapkan ucapan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan pihak kerajaan yang telah menjawab segala pertanyaan. Semua soalan lisan hari pertama yang tidak sempat dijawab akan diberikan jawapan secara bertulis.

## **6.2 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Bertulis**

**Setiausaha Dewan:** Yang kedua, Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Bertulis. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Yang Dipertua, saya membentangkan jawapan-jawapan bertulis yang berkehendakkan jawapan, seperti yang dibentangkan di, kepada semua ahli Dewan yang mulia. Terima kasih.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan bagi Pertanyaan Bertulis adalah dibentangkan.

## **7. USUL**

**“Bahawa mengikut Ceraian 3 Seksyen 4, di dalam Akta Kumpulan Wang Disatukan Pembangunan 1966, Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju meluluskan perbelanjaan yang dicadangkan sebanyak Ringgit Malaysia: Sembilan Puluh Satu Juta, Lima Ratus Empat Puluh Satu Ribu (RM91,541,000.00) dengan maksud dan**

**butiran projek dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2014 sebagaimana yang dibentangkan sebagai Kertas Dewan Bil. 5 Tahun 2013, adalah diluluskan dan diperolehi untuk tujuan yang ditentukan sahaja.”**

**Setiausaha Dewan:** Perkara ketujuh, Usul.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mempersilakan pembentangan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2014 membentang, dibentangkan ke Dewan.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengemukakan Usul bahawa mengikut Ceraian 3 Seksyen 4, dalam Akta Kumpulan Wang Disatukan Pembangunan 1966, Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju meluluskan perbelanjaan yang dicadangkan sebanyak [RM]91,541,000.00 dengan maksud dan butiran projek dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Sembilan untuk tahun 2014 sebagaimana yang dibentangkan sebagai Kertas Dewan Bil. 5/2013, adalah diluluskan dan diperolehi untuk tujuan yang ditentukan sahaja. Terima kasih.

**Y.B. ADUN Labu:** Dato' Yang Dipertua saya bangun menyokong usul tersebut.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Dato' Yang Dipertua, memandangkan Usul Anggaran Pembangunan Negeri Sembilan 2014 ada kaitan dengan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2014 seperti yang dibentangkan sebagai Kertas Dewan Bilangan 4 Tahun 2013, maka saya dengan ini mencadangkan supaya usul ini dibincang dan dibahaskan bersekali dengan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2014.

**Y.B. ADUN Jeram Padang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan tersebut.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat ADUN Rantau telah mencadangkan agar Usul Anggaran Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2014 dibahaskan

bersekali dengan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2014, dan telah mendapat sokongan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan tersebut kata "setuju". Yang tidak bersetuju kata "tidak". Lebih suara bersetuju, cadangan ini diluluskan. Kita teruskan ke agenda berikutnya.

## 8. **RANG UNDANG-UNDANG**

**"Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen Perbekalan (2014) 2013 untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan bagi pengurusan tahun 2014 sebanyak RM338,446,000.00".**

[Bacaan kali pertama]

**Setiausaha Dewan:** Perkara kesembilan, Rang Undang-Undang.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan pembentangan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2014) 2013.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen Perbekalan 2014 untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan bagi pengurusan tahun 2014 sebanyak [RM]338,446,000.00 dibacakan untuk kali pertama.

**Y.B. ADUN Senaling:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyo, menyokong usul tersebut.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali pertama.

**Setiausaha Dewan:** Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan bagi pengurusan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi perkhidmatan tahun itu.

[Bacaan kali kedua]

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya mencadangkan satu Rang Undang-Undang ini dibacakan bali, bagi kali kedua, saya ingin nak memberikan penerangan tentang latar belakang ucapan belanjawan tahun 2014.

Bissmillahirrahmanirrahim .... [petikan bacaan doa] .... Yang Berhormat Dato Yang Dipertua, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah izinNya, dapat saya membentangkan Belanjawan Negeri Sembilan bagi tahun 2014 di Dewan yang mulia ini. Marilah kita bersama-sama merafak setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya jua Negeri Sembilan terus dianugerah suasana yang aman dan makmur bagi membolehkan rakyat negeri ini meneruskan kehidupan sehari-hari dengan selesa. Inshaa allah, dengan suasana negeri yang aman dan makmur, Kerajaan Negeri akan memastikan ekonomi negeri terus kukuh bagi membolehkan semua pihak khususnya kerajaan dapat membina kekuatan, teguh bersatu bergerak mencapai matlamat Negeri Maju serta berupaya memenuhi harapan masa depan rakyat. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin merakamkan penghargaan, setinggi-tingginya di atas kepercayaan dan sokongan penuh utuh rakyat Negeri Sembilan yang telah memuktamadkan mandat kepada Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Yang Ke-13 yang lalu, bagi terus memimpin negeri ke arah memakmurkan negeri, mensejahterakan rakyat. Alhamdulillah, dengan mandat tersebut, Kerajaan Negeri akan terus mensiasatiagakan seluruh jentera melalui perancangan dan halu tuju yang jelas, serta mengembeleng sumber secara optimum bagi memahat asas kukuh kepada perjalanan Negeri Sembilan menuju Negeri Maju.

Yang Berhormat Dato' Dipertua, Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2014 yang akan dibentangkan ini adalah merupakan salah satu paksi dalam kerangka Negeri Maju dengan kesinambungan matlamat pembangunan 2013 iaitu memakmurkan negeri, mensejahterakan rakyat, janji ditepati. Rang undang-undang ini yang juga merupakan belanjawan negeri tahun 2014, disusun bagi menterjemahkan komitmen dan kesungguhan kerajaan untuk membangunkan negeri yang kukuh, yang kukuh asas ekonominya dan asas, dan rakyat yang menikmati kehidupan dalam suasana yang selesa

dan sejahtera. Kerangka belanjawan 2014 ini dibina berdasarkan matlamat bagi memastikan aku janji kerajaan semasa pilihan raya umum yang lalu dapat dilaksanakan sepenuhnya. Justeru, pelaksanaan program-program pembangunan akan berasaskan kepada lima teras utama iaitu yang pertama, mensejahterakan rakyat. Yang kedua, mempergiatkan pembangunan ekonomi. Yang ketiga, memantapkan pembangunan modal insan dan kerohanian. Yang keempat, membudayakan kreativiti, inovasi dan produktiviti. Dan yang kelima, mempersekapkan penyampaian perkhidmatan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jika disusuri perancangan dan pencapaian tahun 2013, tampak jelas bahawa perancangan menepati pencapaian. Adalah lebih tepat untuk saya memberikan perincian pencapaian yang telah dizahirkan mengenai kedudukan semasa dan prospek ekonomi dunia, negara dan jugak Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, pertumbuhan ekonomi dunia tahun ini dijangka terus perlahan pada kadar 2.9 peratus walaupun prospek pertumbuhan ekonomi global lebih baik berikutan perkembangan yang semakin pulih dalam kalangan beberapa negara maju utama, namun masih terdapat risiko dan kekangan. Antaranya, pertumbuhan ekonomi yang perlahan berterusan di negara Tanah Besar China, dan penurunan ketara dalam kedudukan mudah tunai global yang mungkin membawa kepada peningkatan kadar faedah. Negara pula mendepati, mendepani keadaan ketidaktentuan global ini melalui pengenalan dasar-dasar penting yang komprehensif iaitu Gagasan 1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", Dasar Transformasi Nasional yang merangkumi Pelan Transformasi Ekonomi, Pelan Transformasi Kerajaan, Pelan Transformasi Politik dan Pelan Transformasi Luar Bandar.

Yang Berhormat Dato' Dipertua, senario ekonomi Negeri Sembilan di mana Kerajaan Negeri Sembilan telah berjaya menterjemahkan pencapaian yang baik walaupun berada di dalam ketidaktentuan ekonomi global. Ini terbukti melalui peningkatan konsisten dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar sejak beberapa tahun kebelakangan ini. KDNK Negeri Sembilan terus mencatatkan peningkatan di mana KDNK pada tahun 2012 adalah berjumlah 27.717 bilion ringgit iaitu pertumbuhan sebanyak 5 peratus berbanding dengan 4.9 peratus pada tahun 2011. KDNK perkapita pula, merekodkan pertumbuhan positif melalui peningkatan daripada 20,768.00 ringgit pada tahun 2005 kepada 26,950.00 ringgit pada tahun 2008, dan seterusnya kepada 32,000.00 ringgit, 32,511.00 ringgit pada tahun lepas, 2012. Pencapaian yang menggalakan dalam KDNK ini Dato' Dipertua, disumbangkan oleh dua sektor ekonomi utama iaitu pembuatan dan

perkhidmatan. Sumbangan kedua-dua sektor ini kepada KDNK adalah sebanyak 88.8 peratus atau 26.634 bilion ringgit. Sektor pembuatan menyumbang sebanyak 48.3 peratus kepada KDNK atau 13.395 bilion ringgit. Manakala sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 40.5 peratus atau 11.239 bilion ringgit.

Walau bagaimanapun, Dato' Dipetua, pencapaian KDNK bukanlah merupakan elemen tunggal dalam mengukur prestasi negeri. Pelaburan asing dan domestik turut membantu memacu pertumbuhan ekonomi di Negeri Sembilan. Hakikat yang telah terbukti dan tidak mungkin tersanggah, Dato' Dipertua, adalah Negeri Sembilan terus menjadi destinasi utama pelabur. Sektor pembuatan merupakan tumpuan utama pelaburan apabila jumlah pelaburan baru yang diluluskan terus meningkat melebihi, melebihi sasaran utama tahunan yang ditetapkan iaitu 1 bilion ringgit. Itu sasaran kita, 1 bilion ringgit setiap tahun. Dalam tahun 2012, jumlah pelaburan yang diluluskan bagi sektor pembuatan sahaja adalah sebanyak 2.73 bilion ringgit. Menjadikan jumlah pelaburan yang dicatatkan dalam tempoh dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu 2011 dan 2012 berjumlah 8.63 bilion ringgit dan boleh mewujudkan sebanyak 9,625 peluang-peluang pekerjaan.

Pastinya, kedatangan pelabur akan memberikan impak positif bagi jangka masa panjang sama ada dari segi aspek peluang pekerjaan, pemindahan teknologi mahupun perkongsian kepakaran dan kemahiran. Faktor penarik kepada minat pelabur, bagi menanam modal di negeri ini adalah bersandarkan kepada kepesatan pembangunan yang dirancang. Kerajaan Negeri akan terus menggalakkan pembangunan melalui pendekatan kerjasama awam dan swasta. Pada tahun 2012 sejumlah 7.79 bilion ringgit pelaburan swasta telah diiktiraf sebagai projek kerjasama awam swasta dengan kelulusan dana mudah cara UKAS ataupun Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri berjumlah 346 juta ringgit banyaknya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, salah satu sektor yang tidak kurang pentingnya dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi adalah sektor perlancongan, pelancongan. Pada tahun 2012, kedatangan pelancong ke negeri ini mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu 4.12 juta orang berbanding 2.36 juta orang pada tahun sebelumnya. Manakala jangkaan kerajaan bagi tahun 2013, jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Sembilan adalah seramai 5.5 juta orang, 5 juta orang bukan 5.5. 5 juta orang, Dato' Dipertua. Kerajaan Negeri akan terus komited untuk membangunkan infrastruktur dan kemudahan pelancongan memandangkan potensi

besar yang mampu disumbangkan oleh sektor ini kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Kerajaan Negeri berharap supaya pihak swasta dapat sama-sama menggalas peranan dalam memajukan industri pelancongan dengan membangunkan produk-produk pelancongan secara komersial.

Dalam masa yang sama Dato' Yang Dipertua, dasar mensejahterakan rakyat yang diketengahkan oleh Kerajaan Negeri telah memberikan impak yang positif. Kualiti dan taraf hidup rakyat Negeri Sembilan pada masa ini bertambah baik. Ini dibuktikan melalui kemajuan yang dicapai dalam bidang-bidang pendidikan, kesihatan, tahap keselamatan, perumahan dan kemudahan prasarana. Umpamanya, dalam bidang pendidikan, Negeri Sembilan telah berjaya menjadi negeri yang tergolong dalam kelompok kelima terbaik dalam peperiksaan-peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM sejak beberapa, beberapa tahun kebelakangan ini. Manakala pelajar bila, manakala bilangan pelajar-pelajar Negeri Sembilan yang mendapat Ijazah Kelas Pertama telah bertambah daripada hanya beberapa orang pada tahun 2005 kepada 150 orang pada tahun 2011. Dan 174 orang pada 2013 Dato' Dipertua. Ini adalah hasil daripada galakan dalam bentuk insentif kewangan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Sembilan melalui Yayasan Negeri Sembilan semenjak tahun 2006, iaitu Skim Insentif Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama.

Berasaskan kepada senario di atas, dan berlatar belakangkan kedudukan ekonomi negara yang dijaga kukuh, Dato' Yang Dipertua, dan pencapaian memberangsang ekonomi negeri dalam tempoh dua tahun pertama dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, inshaa allah, Negeri Sembilan dijangka akan dapat meneruskan momentum pertumbuhan ekonomi yang baik pada tahun 2014 nanti.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pengurusan kewangan. Berbicara pula dari sudut pengurusan kewangan, alhamdulillah, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri terus berada dalam keadaan yang amat kukuh dan stabil, hasil daripada pengurusan kewangan yang berhemah dan cekap. Dalam tahun berakhir 31 Disember 2012, kedudukan kewangan Hasil Disatukan Negeri telah meningkat sebanyak 21.96 juta ringgit kepada 228.45 juta ringgit berbanding 206.49 juta pada 31 Disember 2011. Sehingga tahun, sehingga 10 Disember 2013, jumlah terkumpul Akuan Hasil Disatukan Negeri Sembilan, jumlah semua, Dato' Yang Dipertua, ya, ialah sebanyak 483.75 juta ringgit. Alhamdulillah.

Kerajaan Negeri juga telah berjaya mengurangkan jumlah hutang ke tahap yang lebih rendah pada tahun ini, jumlah baki pinjaman

keseluruhan Kerajaan Negeri adalah sebanyak 876.35 juta ringgit. Jumlah ini akan dapat dikurangkan dan, dengan banyaknya lagi apabila baki pinjaman bekalan air sebanyak 664.84 juta ringgit akan diserahkan kepada Perbadanan Aset Air Berhad tidak lama lagi. Untuk pengetahuan semua, dan Dato' YDP jugak, Dato' Yang dipertuan, Yang Dipertua jugak, hasil dari amalan pengurusan kewangan yang berhemah, sebanyak 6 jabatan peringkat negeri telah menerima pengiktirafan daripada Jabatan Audit Negara melalui Anugerah 4 Bintang bagi Indeks Akauntabiliti dalam tahun 2012. Jabatan yang telah mencapai kejayaan ini ialah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, Majlis Daerah Rembau dan Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan.

Paling membanggakan, saya ulang ni Dato' Dipertua, paling membanggakan adalah pencapaian dua institusi ini iaitu Pejabat Kewangan Negeri dan Perpendaharaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan yang telah berjaya mendapat Sijil Pengiktiraf 4 Bintang selama 5 tahun berturut-turut daripada Ketua Audit Negara. Tahniah. Kerajaan Negeri mengucapkan syabas dan tahniah khususnya kepada semua jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang lain dan berharap pencapaian ini akan dapat diteruskan pada masa-masa hadapan terutamanya kepada jabatan-jabatan yang mendapat anugerah buat kali pertama. Manakala jabatan-jabatan lain pula perlu meningkatkan lagi pengurusan kewangan masing-masing bagi men, bagi mendapat penarafan 4 Bintang Indeks Akauntabiliti.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, belanjawan pada tahun 2014 akan saya bentangkan ini adalah merupakan anggaran belanjawan berimbang, *balanced budget* dengan izin, yang berjumlah sebanyak 352.626 juta ringgit iaitu pertambahan sebanyak 6.5 peratus berbanding dengan belanjawan tahun 2013. Secara umumnya, belanjawan 2014 merupakan kesinambungan kepada rancangan pembangunan jangka panjang yang berterusan untuk meningkatkan lagi tahap kemajuan sosio ekonomi negeri bagi memastikan matlamat Negeri Maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020 dapat direalisasikan seperti mana disasarkan dalam Pelan Strategik Pembangunan Negeri Sembilan 2011 – 2020. Komponen utama belanjawan 2014 adalah mencakupi, nombor 1 – Anggaran Hasil, nombor 2 – Anggaran Belanjawan Mengurus dan nombor 3 – Anggaran Pembangunan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebut Anggaran Hasil dulu. Sumber hasil utama Kerajaan Negeri Sembilan diperolehi daripada tiga sumber iaitu sumber hasil cukai tanah, hasil bukan cukai iaitu macam

premium dan yang lain-lain dan terimaan bukan cukai. Terimaan bukan cukai ini macam *capitation grant*, geran cukai Kepala yang dibagi oleh Kerajaan Persekutuan, Dato' Dipertua, ya. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri dijangka akan dapat mengutip hasil sebanyak 352.626 juta ringgit iaitu 152.519 juta ringgit daripada hasil cukai, 126.505 juta ringgit dari Hasil Bukan Cukai dan 73.602 juta ringgit – Terimaan Bukan Hasil.

Pada tahun 13 Disember 2013, ya, pada 13 Disember 2013 jumlah hasil kutapan, kutipan hasil kita adalah sebanyak 335.943 juta ringgit. Hasil cukai, Dato' Yang Dipertua, sebahagian besar daripada hasil cukai diperolehi daripada cukai tanah. Pada tahun 2014 jumlah cukai tanah yang akan dikutip dianggarkan sebanyak 144.833 juta ringgit. Anggaran ini adalah merupakan jumlah yang dijangka mampu dikutip pada tahun tersebut. Dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini kerajaan secara puratanya telah berjaya mengutip lebih daripada 90 peratus cukai tanah. Dalam tempoh Januari hingga November 2013, kerajaan telah berjaya mengutip sebanyak 106.1 juta ringgit iaitu kira-kira 89.8 peratus daripada anggaran hasil 2013. Kerajaan menjangkakan matlamat 90 peratus tersebut akan dapat dicapai menjelang akhir tahun nanti. Kita punya KPI kepada Pentabir Tanah 90 peratus, Dato' Yang Dipertua, ya. Dalam hubungan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakyat Negeri Sembilan dan syarikat-syarikat dan semua pihak yang terlibat, yang telah melaksanakan tanggungjawab membayar cukai tanah masing-masing. Terima kasih.

Hasil Bukan Cukai. Hasil Bukan Cukai pula pada tahun 2014 dianggarkan sebanyak 38.34 juta ringgit atau 43.5 peratus daripada 125, 43.5 peratus kepada 126.505 juta ringgit. Sebahagian besar daripada Hasil Bukan Cukai yang disumbangkan oleh Terimaan Premium Tanah yang setakat ini sering melepas sasaran yang ditetapkan pada setiap tahun, Dato' Yang Dipertua. Premium ni, kita tak pernah dapat, kita tak boleh bajetkan. Kita cuma bajet *ballpark*, dengan izin, tetapi setiap tahun kebelakangan ini kita telah dapat menerima banyak bayaran premium disebabkan oleh pembangunan yang pesat berlaku di Negeri Sembilan. Dalam tempoh Januari hingga November 2013, Terimaan Premium Tanah adalah berjumlah sebanyak 78.674 juta ringgit. Terimaan ini melebihi anggaran belanjawan 2013 iaitu 22.480 juta ringgit. Ini bermakna Kerajaan Negeri telah berjaya mencatatkan lebihan kutipan sebanyak 56.194 juta ringgit atau 250 peratus lebih tinggi berbanding anggaran yang kita buat dalam belanjawan 2013.

Dato' Yang Dipertua, maknanya peningkatan Terimaan Premium Tanah pada setiap tahun adalah jelas membuktikan proses pindah milik, pemberikan milik dan pertukaran syarat tanah yang efektif. Kesannya adalah dapat dilihat melalui pembangunan yang rancak di Negeri Sembilan dalam pelbagai sektor khususnya perumahan dan komersial. Terimaan Bukan Hasil pula seperti yang saya sebut tadi ialah pada tahun 2014 dianggarkan sebanyak 73.602 juta ringgit. Antara sumber utama Terimaan Bukan Hasil ini adalah daripada pemberian Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat Dato' Dipertua, Anggaran Belanjawan Bengurus ya. Anggaran Belanjawan Mengurus pada tahun 2014 adalah berjumlah 352.626 juta ringgit bertambah sebanyak [RM]21.426 juta berbanding dengan jumlah anggaran belanjawan mengurus 2013. Secara umumnya, peruntukan kewangan diagihkan kepada dua maksud utama iaitu Tanggungan dan Bekalan. Sebanyak 14.18 juta ringgit diperuntukkan untuk maksud Tanggungan. Dan bakinya sebanyak 338.446 juta ringgit diperuntukkan bagi maksud Bekalan.

Butir terperinci mengenai agihan bagi maksud Tanggungan dan Bekalan boleh dirujuk di muka 6 hingga 9 dalam buku belanjawan 2014. Secara amnya Anggaran Belanjawan Mengurus di bawah maksud Bekalan, B01 sampai B29, boleh diklafisi, boleh diklasifikasi, diklasifikasikan kepada lima komponen utama iaitu nombor 1, Emolumen sebanyak 138.84 juta ringgit. Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak 76.18 juta ringgit. Pembelian Aset sebanyak 346 ribu ringgit sahaja. Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak 130.450 ringgit. Dan pembelian perbelanjaan-perbelanjaan lain sebanyak 10.802 juta ringgit.

Peruntukan bagi Emolumen tahun 2014 ditambah sebanyak 10.243 juta ringgit iaitu 8.2 peratus berbanding peruntukan 2013 kepada 134.84 juta ringgit. Tambahan tersebut adalah diperlukan bagi membiayai peningkatan pembayaran emolumen berikut pelaksanaan satu kenaikan gaji tahunan yang telah dilaksanakan mulai Julai 2013 di samping bayaran elauan lain yang turut bertambah ekoran kenaikan gaji tersebut. Peruntukan bagi Perkhidmatan Dan Bekalan juga turut meningkat daripada 73.759 juta ringgit pada tahun 2013 kepada 76.18 juta ringgit pada 2014. Tambahan ini adalah untuk menampung kenaikan kos operasi seperti pembelian bekalan dan penyelenggaraan pejabat, serta peningkatan harga bahan api kenderaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Anggaran Belanjawan Pembangunan pula. Anggaran Belanjawan Pembangunan 2014

menyediakan peruntukan sebanyak 91.541 juta ringgit bagi membiayai kos-kos projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh jabatan-jabatan di seluruh Negeri Sembilan. Peruntukan ini diagihkan kepada jabatan-jabatan mengikut kod projek P50 hingga P63. Butiran terperinci mengenai agihan peruntukan mengikut jabatan bolehlah dirujuk di muka surat 50 ke 64 di dalam buku belanjawan 2014.

Di dalam menjayakan teras-teras pembangunan yang telah saya sebutkan tadi, peruntukan pembangunan tahun 2014 diagihkan kepada lima sektor utama yang berikut bagi membiayai pelaksanaan program dan projek pembangunan iaitu nombor 1 – infrastruktur sebanyak 31.1 peratus, sosial sebanyak 28.7 peratus, kerohanian sebanyak 16.3 peratus, pentadbiran sebanyak 12.5 peratus, pertanian sebanyak 11.4 peratus.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, infrastruktur. Kerajaan menyedari kepentingan penyediaan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam yang berkualiti dan mencukupi akan menyumbang kepada penggalakan pertumbuhan ekonomi dan kemasyarakatan. Hakikatnya, penyediaan dan pembangunan jalan raya, bekalan air dan elektrik telah berjaya menggalakkan pembangunan aktiviti ekonomi seperti perumahan, kawasan komersial, perindustrian dan jugak pertanian. Memandangkan faedah besar daripada pembangunan infrastruktur ini, maka saya mencadangkan peruntukan sebanyak [RM]28.497 juta diberikan sektor, diberikan kepada sektor infrastruktur pada tahun 2014 bagi bertujuan menaik taraf dan menyelenggara jalan raya di seluruh Negeri Sembilan.

Menyedari bahawa kebajian, kejadian banjir adalah merupakan fenomena alam yang tidak dapat dielakkan, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan bagi menye, membiayai Program Tebatan Banjir dan Rancangan Pengurusan Banjir sebagai langkah kesiapsiagaan. Saya mencadangkan peruntukan sebanyak 8.5 juta ringgit untuk kedua-dua program berkenaan.

Aspek penyelenggaraan terhadap kemudahan infrastruktur ju, dan kemudahan awam terutamanya di kawasan industri terus diberikan penumpuan. Ini bagi menjamin kawasan-kawasan perindustrian di seluruh negeri terus berada dalam keadaan yang baik, selamat dan kondusif kepada pelabur. Sehubungan itu, saya mencadangkan peruntukan sebanyak 2 juta ringgit bagi maksud membiayai kos menyelenggara kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, perabot jalan, longkang dan lampu jalan. Memandangkan faedah yang besar yang diperolehi melalui pembangunan infrastruktur kepada pembangunan ekonomi, maka saya menyarankan agar jabatan-jabatan

pelaksana membuat perancangan pelaksanaan yang rapi pada awal tahun bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual. Kegagalan di peringkat pelaksanaan sudah tentu akan menjelaskan pembangunan negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sektor sosial. Sektor sosial yang terangkum di bawah matlamat mensejahteraan rakyat akan terus diperkasakan. Kerajaan Negeri akan memberikan peruntukan khusus bagi tujuan membiayai program khidmat masyarakat, projek-projek kecil yang memerlukan pembaikan segera, kerja penyelenggaraan rumah awam harga rendah dan yang lain-lain. Sebanyak [RM]26.204 juta diperuntukkan pada tahun 2014 bagi meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat di negeri ini.

Dalam usaha meningkatkan lagi tahap pembangunan luar bandar, supaya ianya seimbang dengan pembangunan di bandar, maka Dasar Jaringan Keselamatan Sosial akan diteruskan dengan lebih teratur bagi memastikan tiada rakyat yang khusus kurang bernasib baik di negeri ini tercicir daripada mendapat pembelaan kerajaan. Kerajaan berhasrat supaya setiap warganya dapat menikmati kehidupan yang sempurna dan selesa. Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sembilan sentiasa mendengar denyutan nadi rakyat terutamanya mengenai tahap keselesaan dan kemudahan di rumah awam harga rendah dan rumah pangsa Kerajaan Negeri. Bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 200,000.00 ringgit untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur rumah awam harga rendah. Selain itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 1.5 juta ringgit untuk program-program kemasyarakatan. Antara program yang akan dilaksanakan iaitu program menyayangi warga emas, anugerah kecemerlangan negeri dan lain-lain.

Kerajaan sentiasa prihatin mengenai kebajikan warga emas, sungguh pun bilangannya pada masa ini hanya lebih kurang 9 peratus daripada jumlah penduduk Negeri Sembilan. Dengan itu, program seperti ini perlu dilaksanakan mulai daripada sekarang bagi memastikan warga emas mendapat perhatian dan kasih sayang daripada anggota keluarga masing-masing dan jugak masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, modal insan dan kerohanian. Kerajaan Negeri sentiasa mengutamakan pembangunan modal insan memandangkan ianya merupakan aset terpenting di dalam mempercepatkan dan memperkuatkan pembangunan negara. Tumpuan kerajaan terhadap sektor ini adalah bermatlamat untuk melahirkan generasi yang berilmu, bersahsiah tinggi, saling hormat menghormati, bertoleransi dan berintegriti. Kerajaan Negeri komited

bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam mendalami latihan-latihan kemahiran dan teknikal serta kerohanian bagi mewujudkan nilai tambah kepada pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada. Peranan kerajaan sebagai pemudah cara pendidikan akan diteruskan malah diperkuatkan. Kerajaan Negeri akan terus membantu memudahkan operasi institusi-institusi pendidikan yang berada negeri, di negeri ini. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah 14.94 juta ringgit bagi tujuan memperkasakan program-program pendidikan, kerohanian, kemudahan dan infrastruktur pendidikan serta kerohanian.

Sektor pentadbiran. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya jentera pentadbiran Kerajaan Negeri, saya mencadangkan peruntukan sebanyak [RM]11.474 juta, ini bertujuan untuk menambah baik dan menaik taraf ruang pejabat serta pembelian kelengkapan dan peralatan di pejabat di Wisma Negeri, Pejabat Daerah Kuala Pilah, Pejabat Daerah Rembau, Tampin, Gemas, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pengairan dan Saliran di setiap daerah. Langkah ini akan dapat menambah keselesaan dalam urusan jabatan dengan masyarakat di samping meningkatkan keselesaan dalam ruang kerja kakitangan.

Dalam eks, dalam aspek teknologi maklumat, kerajaan berhasrat untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dengan menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri yang dihubungi secara elektronik sepenuhnya melalui pendekatan iaitu ICT sebagai industri, ICT sebagai boleh ubah dan ICT untuk masyarakat. Untuk itu, Kerajaan akan memperkuatkan infrastruktur dan keselamatan ICT, memperkasakan perkhidmatan pembangunan dan pemantapan aplikasi, memperkasakan tadbir urus ICT dan meningkatkan kompetensi masyarakat dalam bidang ICT. Saya mencadangkan peruntukan sejumlah 5.5 juta ringgit bagi maksud tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sektor pertanian. Sektor pertanian yang merupakan penyumbang kepada bekalan makanan akan terus diberikan perhatian oleh kerajaan. Sektor ini secara puratanya telah menyumbang sebanyak 6 peratus kepada KDNK. Memandangkan jumlah rakyat yang terlibat dalam sektor ini lebih ramai dan mencakupi kawasan yang luas terutamanya di luar bandar, Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sebanyak [RM]10.426 juta kepada Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Saya berharap usaha yang berterusan akan dapat mempertingkatkan produktiviti dan pendapatan melalui pendekatan inovasi, penggunaan teknologi baru bahan tanaman yang mengeluarkan hasil lebih banyak dan bernilai tinggi. Jabatan Pertanian diberikan peruntukan sebanyak [RM]5.22 juta bagi memajukan tanaman padi, industri buah-buahan

dan sayur-sayuran. Manakali, manakala Jabatan Perkhidmatan Veterinar pula diberikan peruntukan sebanyak [RM]5.516 juta. Di samping menyalur bantuan peralatan dan bahan tanaman, kedua-dua jabatan berkenaan dengan kerjasama jabatan-jabatan yang lain seperti Lembaga Pemasaran Pertanian (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang dan Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) akan turut memberikan khidmat nasihat teknikal kepada petani dan perntenak dan nelayan.

Yang Berhormat Dato' Pertua, sebagai penutup, saya ingin merumuskan bahawa belanjawan 2014 yang dibentangkan ini adalah bertujuan untuk menjayakan pelan pembangunan jangka panjang kerajaan untuk Negeri Sembilan sebagai Negeri Maju berpendapatan tinggi pada 2020. Kesimpulannya, belanjawan 2014 telah pun mengambil kira keperluan rakyat. Pembentangannya dimungkinkan melalui pengurusan kewangan dan cekap dan berhemah selama ini. Bagi pihak Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sembilan, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan yang membantu dalam pembangunan Negeri Sembilan. Sumbangan dan bantuan Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan membolehkan Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sembilan memacu pertumbuhan ekonomi dan kemasyarakatan ke tahap yang lebih tinggi. Saya juga berharap agar semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pelaksanaan program, projek pembangunan yang telah dirancang dalam tahun 2014 nanti, akan dilaksanakan perancangannya dengan bersungguh-sungguh dan penuh berintegriti. Projek-projek berkenaan akan meningkat tahap pembangunan dan kemajuan sosio ekonomi negeri serta kualiti hidup rakyat yang sekaligus akan membawa Negeri Sembilan ke arah pencapaian Negeri Maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Saya juga ingin menge, mengambil kesempatan di sini, Dato' Dipertua, merakamkan ribuan terima kasih, ucapan ribuan terima kasih di atas sokongan seluruh penjawat awam dan agensi kerajaan di negeri ini dalam melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan. Untuk itu, sebagai tulang belakang pembangunan negeri ini, Kerajaan Negeri menghargai segala komitmen anggota perkhidmatan awam dengan pemberian satu kenaikan gaji tahunan pada bulan Januari tahun ini, dan tambahan gaji maksima bagi penjawat awam negeri ini yang telah mencapai paras gaji maksimum. Di samping itu, Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sembilan juga telah berbesar hati meluluskan pemberian bonus sebanyak setengah bulan gaji pada tahun 2013 dengan bayaran minimum 500.00 ringgit sebagai penghargaan ke atas sumbangan mereka terhadap pembangunan negeri. Pemberian bonus

ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak 4.38 juta ringgit kepada 4,079 orang penjawat awam yang berstatus tetap dan kontrak di pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Pembayaran bonus ini juga dipanjangkan pelaksanaannya kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Badan-Badan Berkanun di negeri. Pembayaran bonus akan dibuat pada akhir 2013 ini, akhir Disember 2013.

Kerajaan Negeri juga merakamkan penghargaan kepada, dan terima kasih kepada pasukan keselamatan yang telah menjaga keamanan dan kemakmuran negra, negara. Alhamdulillah, dengan keamanan dan kemakmuran ini, rakyat Negeri Sembilan dapat menikmati kehidupan yang lebih selamat dan tenteram. Akhirnya, marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah s.w.t. supaya segala usaha, khidmat bakti, kesungguhan dan keikhlasan kita yang kita curahkan demi negeri dan negara tercinta ini mendapat rahmat dan keredhaanNya juga.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekian sahaja penjelasan saya mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tahun 2014. Dengan ini saya mencadangkan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan ini dibaca untuk kali kedua. Saya juga mencadangkan supaya Usul Anggaran Pembangunan Negeri 2014 yang terkandung sekali dalam pembentangan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan ini, diterima dan diluluskan oleh Dewan yang bersidang pada hari ini. Sekian, Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Saya mohon mencadang. Assalamualaikum w.b.t.

**Y.B. ADUN Senaling:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun untuk, yang pertamanya mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat ADUN Rantau di atas pembentangan belanjawan 2014 sebentar tadi. Dan seterusnya saya menyokong Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2013 [2014] dan Usul Anggaran Pembangunan Negeri Sembilan tahun 2014 seperti mana yang dibentangkan. Terima kasih Dato' Dipertua.

## **9. PENANGGUHAN MESYUARAT**

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2014 telah dicadang untuk dibacakan bagi kali yang kedua. Kita juga telah bersetuju untuk membahaskan Usul Anggaran Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2014 bersekali dengan Rang Undang-Undang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi saya akan menangguhkan Dewan,

sesi perbahasan rang undang-undang dan usul ini akan dibuka pada hari Isnin, 16 Disember 2013 bersamaan dengan 13 Safar 1435 Hijrah.

Dengan itu, saya menangguhkan Dewan kepada hari Isnin, 16 Disember 2013 jam 10.00 pagi. Dijemput juga kepada Yang Amat Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wartawan dan semua yang hadir di persidangan ini untuk ke Dewan Serbaguna, Wisma Negeri untuk jama, jamuan makan tengah hari. Sekian.

**[Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 12.19 tengah hari]**